

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVII)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

1. Mengikut jawapan bertulis dalam sidang DUN 2017, terdapat 64 buah kilang haram di Parlimen Kepala Batas.
  - (a) Adakah kilang-kilang ini berjaya didaftarkan?
  - (b) Jika tidak, apakah langkah kerajaan terhadap kilang-kilang ini?
  - (c) Adakah kilang-kilang ini mengikut garis panduan akta keselamatan dan akta alam sekitar?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Terdapat 64 buah kilang haram di kawasan Parlimen Kepala Batas sepertimana jawapan bertulis dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) pada tahun 2017. Perincian kilang haram tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
  - (a) Terdapat sebanyak lima (5) buah kilang haram yang berjaya didaftarkan berbanding dengan jumlah keseluruhan. Berikut adalah kilang-kilang yang telah berjaya didaftarkan iaitu:
    - (i) Kilang Eng Chin Chuan;
    - (ii) Kilang Chop Gek Joo;
    - (iii) Kilang Lusty Engineering;
    - (iv) Kilang Kar Sem; dan

- (v) Kilang Beauty Wood Enterprise.
- (b) Terdapat dua (2) pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) iaitu dengan mengambil tindakan jangka masa pendek dan tindakan jangka masa panjang bagi menangani isu kilang haram yang terdapat di kawasan Parlimen Kepada Batas. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

**Tindakan Langkah Jangka Masa Pendek:**

**(i) Mengeluarkan Notis Menghendaki Perniagaan Dihentikan**

Pihak MBSP akan mengeluarkan notis yang mengarahkan kilang-kilang tersebut untuk menghentikan operasi dalam tempoh tertentu, mengikut peruntukan yang terkandung dalam Undang-undang Kecil Bayaran Lesen MBSP 1980;

**(ii) Mengeluarkan Notis Penghapusan Kacau Ganggu**

Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], pihak MBSP boleh mengeluarkan notis yang meminta kilang-kilang ini untuk menghapuskan sebarang bentuk kacau ganggu yang timbul akibat operasi kilang haram;

**(iii) Memberikan Tawaran Kompaun**

Bagi kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah, pihak MBSP boleh mengeluarkan tawaran kompaun berdasarkan Undang-undang Kecil Bayaran Lesen MBSP 1980. Tawaran ini memberi peluang kepada pemilik kilang untuk membayar denda sebagai penyelesaian tanpa melibatkan tindakan undang-undang yang lebih berat;

**(iv) Mengambil Tindakan Mahkamah**

Sekiranya kilang-kilang ini terus beroperasi tanpa lesen yang sah, pihak MBSP akan mengambil tindakan mahkamah terhadap pemilik kilang.

**(v) Mengeluarkan Lesen Perniagaan Bertempoh**

Kilang-kilang tanpa lesen yang memenuhi syarat-syarat tertentu boleh diberikan lesen perniagaan bertempoh tertakluk kepada Garis Panduan Pengeluaran Lesen Secara Bertempoh yang disediakan oleh pihak MBSP.

**(vi) Tindakan Penguatkuasaan di bawah Seksyen 72, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta133]**

Pihak MBSP akan mengambil tindakan penguatkuasaan berdasarkan Seksyen 72, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta133] untuk menangani masalah berkaitan infrastruktur dan keselamatan yang berkaitan dengan operasi kilang-kilang tersebut.

**(vii) Tindakan Penguatkuasaan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]**

Kilang-kilang yang tidak mematuhi peraturan perancangan akan dikenakan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], termasuk tindakan terhadap pelanggaran 'zoning' dan penggunaan tanah yang tidak sah.

**Tindakan Langkah Jangka Masa Panjang:**

Bagi memastikan kilang-kilang ini beroperasi secara sah, pihak MBSP akan mempertimbangkan untuk melaksanakan program pemutihan tetapi tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan.

Program ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada kilang-kilang untuk mengesahkan operasi kilang dengan mematuhi undang-undang dan peraturan sedia ada.

- (c) Bagi kilang-kilang yang berlesen, pemilik kilang perlu mematuhi semua syarat teknikal yang ditetapkan, termasuk kepatuhan terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514] serta Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127].

Manakala, bagi kilang-kilang yang tidak berlesen pula, pihak MBSP akan terus mengambil tindakan penguatkuasaan melalui akta-akta berkaitan serta bekerjasama dengan agensi-agensi

yang berkenaan untuk memastikan kepatuhan kepada undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

## SENARAI KILANG HARAM DI KAWASAN PARLIMEN KEPALA BATAS

PREMIS KILANG HARAM PARLIMEN KEPALA BATAS (P41)					
Bil.	Nama Syarikat	Alamat	DUN	Jenis Perusahaan	Status Terkini
1	Eng Chin Chuan	No. 2503, Tingkat Selamat 5, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Tauhu	Berlesen
2	Kilang Mi Weng Hong	No. 4456, Tingkat Selamat 8, Kampung Selamat Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Membuat Mi Sanggul	Tidak Berlesen
3	Kariza Food Enterprise	SB/723 Permatang Sintok, Penaga.	Penaga	Membuat Mi Sanggul	Tidak Berlesen
4	Chua Wah Joo	No. 1607, Tingkat Selamat 8, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Membuat Sayur Pucuk (Soya)	Tidak Berlesen
5	Soon Bak Timber (Tan Teik Hong)	Lot 1788, Mk. 12 Kubang Menerong, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kilang Kayu	Tidak Berlesen

<b>PREMIS KILANG HARAM PARLIMEN KEPALA BATAS (P41)</b>					
<b>Bil.</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Alamat</b>	<b>DUN</b>	<b>Jenis Perusahaan</b>	<b>Status Terkini</b>
6	Chin Lee Cocaho Sdn. Bhd.	No. 2975, Kampung Baru, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kilang Perabot Kayu / Besi	Tidak Berlesen
7	Syarikat Audio Tones Ent. Sdn. Bhd.	Lot 4457, MK. 12, Kampung Baru, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kilang Kayu / Papan Lapis	Tidak Berlesen
8	Eu Lean Timber Sdn. Bhd.	No. 2489, Tingkat Selamat 5, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kayu Balak	Tidak Berlesen
9	Ng Chin Hooi Vacuum Coating Sdn. Bhd.	No. 1516, Tingkat Selamat 5, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kilang Barangan Plastik	Tidak Berlesen
10	Yi Fong Industry	No. 2408, Jalan Kampung Baru, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Memotong & Mengetam Kayu	Tidak Berlesen

<b>PREMIS KILANG HARAM PARLIMEN KEPALA BATAS (P41)</b>					
<b>Bil.</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Alamat</b>	<b>DUN</b>	<b>Jenis Perusahaan</b>	<b>Status Terkini</b>
11	Syarikat GDH Enterprise	No. 2534 , Tingkat Selamat 4, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Membuat Keranda	Tidak Berlesen
12	Syarikat GDH Enterprise	No. 1488, Tingkat Selamat 4, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Membuat Keranda	Tidak Berlesen
13	Dynabricks Sdn. Bhd.	Lot 1622 & 1624, Ekor Kuching, 09400 Padang Serai.	Pinang Tunggal	Kilang Bata	Tidak Berlesen
14	Senn Lee Timber Sdn. Bhd.	No. 1447, Tingkat Selamat 1, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kayu Balak	Tidak Berlesen
15	Chop Gek Joo	No. 1445, Tingkat Selamat 1, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Pembungkusan Bijirin Jagung	Berlesen

**PREMIS KILANG HARAM PARLIMEN KEPALA BATAS (P41)**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Alamat</b>	<b>DUN</b>	<b>Jenis Perusahaan</b>	<b>Status Terkini</b>
16	Kai Jun Enterprise	No. 2483, Tingkat Selamat 5, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kerja-kerja Kayu	Tidak Berlesen
17	Lusty Engineering	No. 1483, Tingkat Selamat 4, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kerja-kerja Besi	Berlesen
18	Sunway Contractor	No. 1589, Tingkat Selamat 4, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kerja-kerja Kayu	Tidak Berlesen
19	Seng Yong Trading	No. 1528, Tingkat Selamat 6, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kilang Kayu	Tidak Berlesen
20	Evernew Sofa Trading	No. 2030, Jalan Datuk Hj. Ahmad Badawi, Kepala Batas.	Bertam	Membuat Sofa	Tidak Berlesen

**PREMIS KILANG HARAM PARLIMEN KEPALA BATAS (P41)**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Alamat</b>	<b>DUN</b>	<b>Jenis Perusahaan</b>	<b>Status Terkini</b>
21	De Hong Furniture Industries Sdn.Bhd	TS 9555, Jalan Kampung Baharu, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Membuat Perabot	Tidak Berlesen
22	Lim Enterprise	No. 5400 Tingkat Selamat 8, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Membuat <i>Straw</i> (Bahan Plastik)	Tidak Berlesen
23	Perniagaan Lam Lim	No. 4110, Tingkat Selamat 7, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kerja-kerja Besi	Tidak Berlesen
24	Heng Furniture Enterprise	No. 1636, Tingkat Selamat 9, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Membuat Perabot	Tidak Berlesen
25	Meng Yan Motor	No. 1607, Tingkat Selamat 8, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kerja-kerja Besi	Tidak Berlesen

**PREMIS KILANG HARAM PARLIMEN KEPALA BATAS (P41)**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Alamat</b>	<b>DUN</b>	<b>Jenis Perusahaan</b>	<b>Status Terkini</b>
26	Yoma Furniture Trading	No. 1649, Tingkat Selamat 9, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Membuat Perabot	Tidak Berlesen
27	Kim Lei Engineering	No. 9962, Tingkat Selamat 10, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kerja-kerja Besi	Tidak Berlesen
28	Weai Yang (M) Sdn. Bhd.	No. 1715A (Store B) Ting Selamat 10, Kg Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kilang Kayu	Tidak Berlesen
29	Gee Yek Tukang Perkakas Rumah	No. 1715, Tingkat Selamat 10, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kilang Perabot	Tidak Berlesen
30	Inspiwood Manufacturing Sdn. Bhd.	No. 1675, Tingkat Selamat 9, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kilang Kayu	Tidak Berlesen

**PREMIS KILANG HARAM PARLIMEN KEPALA BATAS (P41)**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Alamat</b>	<b>DUN</b>	<b>Jenis Perusahaan</b>	<b>Status Terkini</b>
31	WT Succes Enterprise	No. 1624, Tingkat Selamat 9, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Membuat Perabot	Tidak Berlesen
32	Styling Living Enterprise	No. 1623, Tingkat Selamat 9, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Membuat Perabot	Tidak Berlesen
33	Bersatu Wood Industrial	No. 2020, Tingkat Selamat 9, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Membuat Perabot	Tidak Berlesen
34	Song & Huat Wood Products	No. 1676, Tingkat Selamat 9, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Membuat Palet Kayu	Tidak Berlesen
35	Kah Bricks Enterprise	No. 1628, Tingkat Selamat 9, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Membuat Batu Pasir	Tidak Berlesen

**PREMIS KILANG HARAM PARLIMEN KEPALA BATAS (P41)**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Alamat</b>	<b>DUN</b>	<b>Jenis Perusahaan</b>	<b>Status Terkini</b>
36	Ou Heng Enterprise	No. 4262, Tingkat Selamat 10, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kayu Balak	Tidak Berlesen
37	Rian Feng Sdn. Bhd.	No. 4262, Tingkat Selamat 10, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kerja-kerja Besi	Tidak Berlesen
38	Kar Sem	No. 2413, Tingkat Selamat 9, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kerja-kerja Kayu	Berlesen
39	Seng Hew Trading	No. 1664, Tingkat Selamat 9, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kerja-kerja Kayu / Palet	Tidak Berlesen
40	C.H. Wood Trading Sdn. Bhd.	No. 1628, Tingkat Selamat 9, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kayu Balak	Tidak Berlesen

**PREMIS KILANG HARAM PARLIMEN KEPALA BATAS (P41)**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Alamat</b>	<b>DUN</b>	<b>Jenis Perusahaan</b>	<b>Status Terkini</b>
41	Lean Hup Chan	No. 1628, Tingkat Selamat 9, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Timbunan Pasir	Tidak Berlesen
42	LBT Furniture	No. 6110, Tingkat Selamat 9, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Membuat Perabot	Tidak Berlesen
43	Iwa Fashion Trading	No. 3291, Tingkat Selamat 10, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Menjahit Pakaian/ <i>Garment</i>	Tidak Berlesen
44	Kilang Kayu	Lot 1593, Tingkat Selamat 10, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kayu	Tidak Berlesen
45	Yeong Tatt Trading	No. 1671, Tingkat Selamat 9, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kerja-kerja Besi	Tidak Berlesen

**PREMIS KILANG HARAM PARLIMEN KEPALA BATAS (P41)**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Alamat</b>	<b>DUN</b>	<b>Jenis Perusahaan</b>	<b>Status Terkini</b>
46	Ken Bee	No. 1621, Tingkat Selamat 9, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kerja-kerja Kayu	Tidak Berlesen
47	Sin Kong Beng Furniture	No. 1749, Jalan Baru, Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Membuat Perabot	Tidak Berlesen
48	YL Bright Enterprise	No. 2605 n/to: Dashan Tingkat Selamat 10, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kerja-kerja Kayu	Tidak Berlesen
49	Chun Tiou Trading	No. 1719, Tingkat Selamat 10, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kayu Balak	Tidak Berlesen
50	Shong Huat Wood Resources Sdn. Bhd.	No. 2937, Tingkat Selamat 8, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kilang Kayu	Tidak Berlesen

**PREMIS KILANG HARAM PARLIMEN KEPALA BATAS (P41)**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Alamat</b>	<b>DUN</b>	<b>Jenis Perusahaan</b>	<b>Status Terkini</b>
51	Heap Scone Supplies	No. 1537, Tingkat Selamat 7, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Proses Jagung	Tidak Berlesen
52	Teik Lim Trading	No. 2313, Tingkat Selamat 2, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kilang Kayu	Tidak Berlesen
53	HLM Bina Enterprise	No. 2243, Jalan Kampung Selamat, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Kerja-kerja Besi	Tidak Berlesen
54	Macro Dimension Concrete Sdn. Bhd.	Lot 2088, Jalan Kubang Menerong, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Loji Bancuhan Simen	Tidak Berlesen
55	Chin Hin Concrete (North) Sdn. Bhd.	Lot 2085, Mukim 6, Jalan Bertam, Kepala Batas.	Bertam	Loji Bancuhan Simen	Tidak Berlesen
56	Eureka Furniture Design	Lot 1279, Tingkat Selamat 2, Kampung Selamat.	Pinang Tunggal	Perabot	Tidak Berlesen

**PREMIS KILANG HARAM PARLIMEN KEPALA BATAS (P41)**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Alamat</b>	<b>DUN</b>	<b>Jenis Perusahaan</b>	<b>Status Terkini</b>
57	Soonway Trading	No. 9179, Simpang Tiga, Tasek Gelugor.	Pinang Tunggal	Plastik	Tidak Berlesen
58	Sheng Huat Wood Resources Sdn. Bhd.	No. 2937, Tingkat Selamat 9, Kampung Selamat.	Pinang Tunggal	Kerja-kerja Kayu	Tidak Berlesen
59	Oi An Yik Enterprise	No. 4808, Tingkat Selamat 5, Kampung Selamat.	Pinang Tunggal	Kerja-kerja Besi	Tidak Berlesen
60	Syarikat Kilang Rempah Jaya Shakti	No. 1967, Mk. 6, Jalan Datuk Hj. Ahmad Badawi, Seberang Perai Utara	Bertam	Serbuk Kari	Tidak Berlesen
61	Kwan Hoe Foodstuff	No. 1681, Mk. 12, Kg Selamat, Seberang Perai Utara	Pinang Tunggal	Membuat Biskut	Tidak Berlesen

**PREMIS KILANG HARAM PARLIMEN KEPALA BATAS (P41)**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Alamat</b>	<b>DUN</b>	<b>Jenis Perusahaan</b>	<b>Status Terkini</b>
62	Liko Lat	No. 2205, Mk. 5, Permatang Sintok, Seberang Perai Utara	Penaga	Kilang Plastik	Tidak Berlesen
63	Beauty Wood Enterprise	Lot 1672, Tingkat Selamat 9, Kampung Selamat	Pinang Tunggal	Kerja-kerja Kayu	Berlesen
64	Syarikat Serumpuan	No. 942, Mk. 3, Paya Keladi, Seberang Perai Utara.	Pinang Tunggal	Kilang Roti	Tidak Berlesen

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVII)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

2. Senaraikan pengusaha-pengusaha kecil yang terdapat di DUN Pinang Tunggal.
- (a) Bagaimanakah kerajaan mengesan pengusaha-pengusaha ini?
  - (b) Apakah usaha kerajaan dalam membantu mereka untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Berdasarkan rekod Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), senarai pengusaha-pengusaha kecil kategori penjaja di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pinang Tunggal adalah seperti **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri melalui pihak MBSP mengesan peniaga-peniaga ini melalui kaedah-kaedah berikut:-
    - (i) Menjalankan bancian penjaja di seluruh kawasan Seberang Perai;
    - (ii) Melalui pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan secara berkala; dan
    - (iii) Melalui aduan yang diterima daripada Ahli Majlis dan orang awam.

- (b) Antara usaha pihak Kerajaan Negeri melalui MBSP dalam membantu peniaga-peniaga kecil ketagori penjaja ini untuk mengembangkan lagi perniagaan adalah seperti berikut:-
- (i) Memudahkan proses pengeluaran lesen penjajaan kepada penjaja / peniaga kecil di mana lesen dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hari untuk permohonan yang lengkap;
  - (ii) Menyediakan garis panduan sebagai panduan kepada penjaja dan peniaga kecil dalam menjalankan perniagaan seperti berikut:
    - 1) Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih
    - 2) Garis Panduan Trak Makanan dan Trak Perkhidmatan
  - (iii) Memberikan keutamaan kepada peniaga-peniaga di tepi jalan untuk mengisi kekosongan ruang niaga milik MBSP melalui sesi temuduga ruang niaga yang diadakan pada setiap bulan;
  - (iv) Mengenalpasti lokasi dan menyediakan penempatan semula penjaja bagi peniaga / penjaja yang tidak berlesen; dan
  - (v) Memperkenalkan kaedah *tagging* peniaga sedia ada yang menjalankan penjajaan tanpa lesen di kawasan Seberang Perai sebagai alternatif untuk membantu peniaga-peniaga kecil.

Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut melaksanakan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) sejak tahun 2008 yang memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa dimana individu yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan kurang daripada RM3,000.00 sebulan adalah layak untuk mendapat bantuan peralatan dengan kadar siling bantuan alatan sebanyak RM3,000.00 dalam usaha mengembangkan lagi perniagaan sedia ada. Bagi tahun 2024, sebanyak enam (6) kelulusan permohonan

bantuan alatan diberikan di kawasan DUN Pinang Tunggal berjumlah keseluruhan sebanyak RM17,980.00.

Tambahan daripada itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga bekerjasama dengan pelbagai agensi negeri mahupun persekutuan dalam menyediakan platform-platform promosi, kursus bimbingan keusahawanan, program latihan, skim pembiayaan dan taklimat agensi berkaitan keusahawanan kepada pengusaha-pengusaha kecil ini. Contohnya seperti EXPO PERDA (EXPERT), Bengkel Kesedaran dan Bimbingan Halal Usahawan PDC, Bootcamp Usahawan Bumiputera Pulau Pinang, Kursus TikTok Shop Content Creator, Jelajah Usahawan Pulau Pinang, Penang International Halal Expo (PIHEX) dan lain-lain.

## LAMPIRAN A

### SENARAI PENGUSAHA-PENGUSAHA KECIL (PENJAJA) DI DUN PINANG TUNGGAL BERDASARKAN REKOD MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)

BIL	NAMA PEMEGANG LESEN	ALAMAT
1	TAN BENG SENG	JALAN SELAMAT, KG. SELAMAT
2	NOR HASLIZA BINTI SHAFIE	BERHADAPAN VISION PARK, JALAN TUN HAMDAN SHEIKH TAHIR
3	MUHAMMAD HAFIZUDDIN BIN FARED	BERHADAPAN VISION PARK, JALAN TUN HAMDAN SHEIKH TAHIR
4	MOHAMAD DANISH BIN ABDUL SAMAT	TAPAK PENJAJA HADAPAN VISION PARK
5	NOR HASLIZA BINTI SHAFIE	KOMPLEKS MAKANAN BERTAM PERDANA 2
6	SITI KHALIJAH BINTI YUSOF	KOMPLEKS MAKANAN BERTAM PERDANA 2
7	SITI NOOR BINTI CHE IBRAHIM	KOMPLEKS MAKANAN BERTAM PERDANA 2
8	MOHAMAD NAIM BIN KASIN	KOMPLEKS MAKANAN BERTAM PERDANA 2
9	SABRI SABRAN NASEER KHAN	KOMPLEKS MAKANAN BERTAM PERDANA 2
10	YUSMIN FAIROS BIN YAHYA	KOMPLEKS MAKANAN BERTAM PERDANA 2
11	NOOR SHUHAIDA	KOMPLEKS MAKANAN BERTAM PERDANA 2
12	MUHAMMAD HAFIZ B ABU BAKAR	KOMPLEKS MAKANAN TAMAN BERTAM INDAH
13	SITI NASEEBAH BT ABU HASSAN	KOMPLEKS MAKANAN BERTAM PERDANA 2
14	AZRI BIN ABDUL HALIM	JALAN 1 TAMAN BERTAM INDAH

BIL	NAMA PEMEGANG LESEN	ALAMAT
15	BORHAN BIN DIN	TRAK MAKANAN DAN MINUMAN, 1)BERDEKATAN DENGAN GELANGGANG FUTSAL TMN ROBINA TELOK AIR TAWAR, 2)VISION PARK, KEPALA BATAS
16	RUSNAH BINTI ZAIN	PUSAT PENJAJA BANDAR PUTRA BERTAM
17	SOFEA BINTI MD YASIM	PUSAT PENJAJA BERTAM PUTRA
18	SITI ASMIRA BINTI MOHD YUSONI	VISION PARK, BERTAM PROPERTIES, KEPALA BATAS
19	WAN FATIMAH BINTI WAN BUSU	PUSAT PENJAJA BANDAR PUTRA BERTAM
20	NURUL HIDA BINTI YAHAYA	PASAR MALAM, BERTAM PUTRA (ISNIN), KEPALA BATAS (RABU & SABTU) &, BERTAM PERDANA (JUMAAT)
21	NURYATI BINTI MOHAMED	PASAR MALAM (ISNIN),, BERTAM PUTRA,, KEPALA BATAS
22	NG AH LOY	JALAN PADANG KELAB, KEPALA BATAS,
23	GHADZALI BIN HUSSIN	PASAR MALAM, BERTAM PUTRA (ISNIN),
24	CHAN HON SANG	JLN PADANG KELAB DAN SEKITAR
25	MOHD HASANUDIN BIN RAMLI	PASAR MALAM, BERTAM PUTRA (ISNIN), JUMAAT (BERTAM PERDANA & TMN SRI SERDANG (AHAD,, KEPALA BATAS
26	NG KAY HOOI	JLN PADANG KELAB DAN SEKITAR
27	ZAIDAH BINTI IBRAHIM	KOMPLEKS MAKANAN TAMAN BERTAM PERMAI
28	BASRAH BINTI BAHA	KOMPLEKS MAKANAN TAMAN BERTAM PERMAI

<b>BIL</b>	<b>NAMA PEMEGANG LESEN</b>	<b>ALAMAT</b>
29	ROFISHAH BINTI ZAKARIA	BANDAR PUTRA BERTAM,, KEPALA BATAS,
30	ADNAN BIN JAMALUDDIN	PUSAT PENJAJA BERTAM PUTRA
31	ROHANA BINTI MOHD ELIAS	PUSAT PENJAJA BERTAM PUTRA
32	ROSIDAH BINTI HASSAN	KOMPLEKS MAKANAN TAMAN BERTAM PERMAI
33	NOR AZURA BINTI ABAS	KOMPLEKS MAKANAN TAMAN BERTAM PERMAI
34	NOOR FAZILAH BINTI MOHD ZULKUFLI	PASAR MALAM BERTAM PUTRA, DAN PASAR MALAM SUNGAI DUA, SEBERANG PERAI UTARA
35	NOOR HAFIZAH BINTI CHE AHMAD	LAHAR TIANG, KEPALA BATAS,
36	SHULWATI BINTI ABDULLAH	PUSAT PENJAJA BERTAM PUTRA
37	MOHD YUSRI BIN MOHD ZAIN	PUSAT PENJAJA BANDAR PUTRA BERTAM
38	SUZAINI BINTI AHMAD SHAH AZIZI	PUSAT PENJAJA BERTAM PUTRA
39	NG PHEK YAN	JALANPADANG KELAB, , KEPALA BATAS
40	RAFIDAH BT SAIDIN	JALAN PADANG KELAB
41	MOHD BASRI BIN ZAINON	KOMPLEKS MAKANAN TAMAN BERTAM PERMAI
42	MOHD PAUZI BIN MEHAT	KOMPLEKS MAKANAN TAMAN BERTAM PERMAI
43	MOHAMAD RIZAL B. ABU	KOMPLEKS MAKANAN TAMAN BERTAM PERMAI
44	KAZALI BIN HASHIM	PSN SEKSYEN 6/1, BDR PUTRA BERTAM, BERTAM

<b>BIL</b>	<b>NAMA PEMEGANG LESEN</b>	<b>ALAMAT</b>
45	KAMALIAH BT MD ZAIN	PUSAT PENJAJA BANDAR PUTRA BERTAM
46	CHE AZLINA BINTI CHE GHANI	KU025-KOMPLEKS PENJAJA TAMAN SRI MENERONG
47	AMINAH BINTI MOHD NOR	KU025-KOMPLEKS PENJAJA TAMAN SRI MENERONG
48	NUR FAIZAH BINTI ZAKARIA	KU025-KOMPLEKS PENJAJA TAMAN SRI MENERONG
49	HAMIDI BIN ABDULLAH	KU025-KOMPLEKS PENJAJA TAMAN SRI MENERONG
50	EN IBRAHIM B AWANG	KU025-KOMPLEKS PENJAJA TAMAN SRI MENERONG
51	MOHD ROSMAN SHARIFF BIN ABDUL RAHMAN	KU070-PUSAT PENJAJA BANDAR BERTAM PUTRA
52	MAT ADENAN BIN ABD. AZIZ	KU070-PUSAT PENJAJA BANDAR BERTAM PUTRA
53	ROBEAH BINTI MAT	KU070-PUSAT PENJAJA BANDAR BERTAM PUTRA
54	ROHANI BINTI HASHIM	KU070-PUSAT PENJAJA BANDAR BERTAM PUTRA

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVII)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

3. Kebanjiran kedai premis warga asing banyak didapati di Pulau Pinang. Senaraikan kedai premis warga asing yang terdapat di DUN Pinang Tunggal.
- (a) Sejauh manakah pemantauan kerajaan terhadap mereka dan apakah tindakan yang telah diambil kepada mereka?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri sememangnya memandang serius isu kebanjiran warga asing di Negeri Pulau Pinang yang telah berlarutan sejak dahulu lagi dan telahpun melalui pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk melaksanakan pemantauan secara berkala.

Daripada pemantauan yang dilaksanakan, MBSP mendapati bahawa terdapat sebanyak 10 premis kedai yang mempunyai warga asing menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pinang Tunggal seperti di **LAMPIRAN A**.

- (a) Kerajaan Negeri melalui pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melaksanakan pemantauan secara berkala terutamanya di kawasan-kawasan tumpuan/*hotspot* yang telah dikenal pasti bagi mengambil tindakan dan membendung kebanjiran premis kedai warga asing. Tindakan yang telah diambil terhadap premis-premis tersebut adalah seperti berikut:-
- (i) Melaksanakan tindakan sitaan premis perniagaan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] bagi

kedai runcit yang dioperasikan oleh individu bukan warganegara;

- (ii) Mengeluarkan notis dan tawaran kompaun terhadap kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen atau melanggar syarat pelesenan;
- (iii) Melakukan rampasan terhadap barang-barang perniagaan yang tidak mematuhi peraturan; dan
- (iv) Membatalkan lesen perniagaan MBSP yang telah diberikan kepada individu warganegara yang didapati menyalahgunakan atau menyewakan lesen tersebut kepada individu bukan warganegara.

**LAMPIRAN A****PERINCIAN SENARAI PREMIS KEDAI WARGA ASING DI  
KAWASAN DUN PINANG TUNGGAL**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PREMIS</b>	<b>ALAMAT PERNIAGAAN</b>	<b>JENIS AKTIVITI PERNIAGAAN</b>
1	Kab's Enterprise	Lot 6048, Jalan Paya Keladi.	Kedai Runcit
2	Rahman Hashim Enterprise	Lot 4403, Mukim 2, Seberang Perai Utara.	Kedai Runcit
3	ZIAJ Enterprise	No. 4180, Jalan Sungai Korok Lahar.	Kedai Runcit
4	Pasar Mini Al Muneer	21, Lorong Panglima 5, Bertam Perdana 3, Kepala Batas.	Kedai Runcit
5	ATU ZP Arisha Enterprise	2422 B NT, Jalan Permatang Langsung, Pinang Tunggal.	Kedai Runcit
6	Ikrampur Enterprise	20, Persiaran Seksyen 6/1, Bandar Putra Bertam.	Kedai Runcit
7	Lagenda Ais Enterprise	01, Persiaran Seksyen 6/1, Bandar Putri Bertam.	Kedai Runcit
8	MF Sejahtera Baju Enterprise	No. 31, Jalan Shah Bandar 2, Bertam Perdana 3.	Kedai Runcit
9	Amaniey Construction & Services Sdn. Bhd.	10, Jalan Setia Utara 3, Bandar Setia Fontaines, Kepala Batas.	Kedai Runcit
10	Triple Enterprise	1, L1-Cw1, Ground Floor, 2258, Persiaran Dagangan 1, Pusat Bandar Bertam Perdana, Kepala Batas.	Pusat Mencuci Kereta Manual

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVII)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

4. Berapakah bilangan balai polis yang terdapat di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) mengikut DUN?
- (a) Senaraikan kes-kes jenayah sama ada jenayah kecil atau besar mengikut DUN.
- (b) Apakah usaha pencegahan oleh Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kes-kes jenayah tersebut?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

4. Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), terdapat lima (5) Balai Polis di Sembilan (9) kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Daerah Seberang Perai Utara. Perincian adalah seperti jadual berikut:

<b>BIL.</b>	<b>DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)</b>	<b>BALAI POLIS</b>
1.	Bertam	Kepala Batas
2.	Pinang Tunggal	
3.	Penaga	
4.	Bagan Jermal	Butterworth
5.	Sungai Puyu	
6.	Bagan Dalam	
7.	Permatang Berangan	Tasek Gelugor
8.	Sungai Dua	Sungai Dua
9.	Telok Ayer Tawar	Telok Ayer Tawar

- (a) Senarai kes jenayah kecil atau besar mengikut DUN di Daerah Seberang Perai Utara adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Dalam mengurangkan kes-kes jenayah tersebut, pihak PDRM telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:
- (i) Pemutihan kawasan *black spot* dengan rondaan cegah jenayah oleh anggota balai yang lebih kerap bagi kawasan tersebut sebagai langkah pencegahan berlakunya jenayah kekerasan;
  - (ii) Pihak Berkuasa Tempatan dan PDRM boleh bekerjasama dalam program pemutihan kawasan tersebut dan memberikan pendedahan serta kesedaran kepada masyarakat mengenai isu tersebut;
  - (iii) Mengadakan pemeriksaan secara berkala terhadap kes-kes jenayah dan jika ada sebarang isu pemakluman awal berkaitan dengan pencegahan jenayah boleh disampaikan kepada masyarakat untuk menangani isu ini;
  - (iv) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seberang Perai Utara sedang giat menjalankan Ops Sepadu setiap hari di semua kawasa pentadbiran dengan kerjasama pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Pulau Pinang dan beberapa agensi jabatan luar bagi membanteras kes-kes jenayah sekaligus kes kekerasan melibatkan warga asing dan juga pelarian Rohingya. Ops ini melibatkan pasukan pemeriksaan / serbuan *task force*, ronda cegah jenayah, sekatan jalan raya, pasukan MPV dan pasukan tangkapan bagi tujuan *omni presence* dan mengawal dari berlakunya peningkatan kes-kes jenayah.
  - (iv) Sasaran perlu diletakkan untuk mencapai kadar penyelesaian kes jenayah yang lebih tinggi melalui prestasi yang dipertingkatkan dan kecekapan yang lebih baik terutama dalam keupayaan pengumpulan maklumat menjurus kepada sasaran mereka dan memastikan kehadiran anggota polis di kawasan-kawasan yang berisiko jenayah, tetapi juga memastikan penempatan lebih ramai anggota polis di jalanan yang mampu

berinteraksi mesra dengan orang ramai dan memahami keperluan dan apa yang menjadi kebimbangan. Rondaan cegah jenayah oleh anggota di setiap balai yang lebih kerap bagi kawasan tersebut sebagai langkah pencegahan berlakunya jenayah kekerasan.

## Senarai Jenayah Kecil/ Besar Mengikut DUN Di Daerah Seberang Perai Utara

BALAI	B/WORTH				KEPALA BATAS				SUNGAI DUA				TASEK GELUGOR				TELOK AYER TAWAR				PERBANDINGAN TAHUN				
	TAHUN	2023	2024	N/T	%	2023	2024	N/T	%	2023	2024	N/T	%	2023	2024	N/T	%	2023	2024	N/T	%	2023	2024	N/T	%
<b>JEN KEKERASAN</b>																									
BUNUH	1		-1	-	100.0%		1	1	0.0%			0	0.0%			0	0.0%			0	0.0%	3	2	-1	-33.3%
ROGOL	5	6	1	20.0%	3	12	9	300.0%	1	1	0	0.0%	3	3	0	0.0%	3	1	-2	-66.7%	15	24	9	60.0%	
SAMUN BKWN S.API			0	0.0%			0	0.0%			0	0.0%			0	0.0%			0	0.0%	0	0	0	0.0%	
SAMUN BKWN TANPA S.API	6	11	5	83.3%	7	4	-3	-42.9%	6	6	0	0.0%	7	6	-1	-14.3%	3	1	-2	-66.7%	35	32	-3	-8.6%	
SAMUN S.API			0	0.0%			0	0.0%			0	0.0%			0	0.0%			0	0.0%	0	0	0	0.0%	
SAMUN TANPA S.API	5	5	0	0.0%	3	2	-1	-33.3%		2	2	0.0%	1	5	4	400.0%	1		-1	-100.0%	14	14	0	0.0%	
MENCEDERA (324,325,326)	13	23	10	76.9%	6	17	11	183.3%	3	6	3	100.0%	10	16	6	60.0%	1	7	6	600.0%	38	88	50	131.6%	
<b>JUMLAH KEKERASAN</b>	<b>30</b>	<b>45</b>	<b>15</b>	<b>50.0%</b>	<b>19</b>	<b>36</b>	<b>17</b>	<b>89.5%</b>	<b>10</b>	<b>15</b>	<b>5</b>	<b>50.0%</b>	<b>21</b>	<b>30</b>	<b>9</b>	<b>42.9%</b>	<b>8</b>	<b>9</b>	<b>1</b>	<b>12.5%</b>	<b>105</b>	<b>160</b>	<b>55</b>	<b>52.4%</b>	
<b>JEN H/BENDA</b>																									
CURI (379,380,381)	30	47	17	56.7%	42	63	21	50.0%	13	16	3	23.1%	29	45	16	55.2%	5	11	6	120.0%	137	206	69	50.4%	
CURI M.KAR	11	3	-8	-72.7%	6	6	0	0.0%	3	1	-2	-66.7%	4	1	-3	-75.0%	2	1	-1	-50.0%	30	22	-8	-26.7%	
CURI M.SIKAL	25	37	12	48.0%	32	41	9	28.1%	12	11	-1	-8.3%	20	27	7	35.0%	4	9	5	125.0%	110	141	31	28.2%	
CURI VAN, LORI, J.BERAT	2	2	0	0.0%	2		-2	-	100.0%			0	0.0%	1	1	0	0.0%		1	1	0.0%	5	8	3	60.0%
PECAH RUMAH (SIANG/MLM)	36	30	-6	-16.7%	42	41	-1	-2.4%	27	12	-15	-55.6%	38	41	3	7.9%	10	7	-3	-30.0%	164	143	-21	-12.8%	
<b>JUMLAH H.BENDA</b>	<b>104</b>	<b>119</b>	<b>15</b>	<b>14.4%</b>	<b>124</b>	<b>151</b>	<b>27</b>	<b>21.8%</b>	<b>55</b>	<b>40</b>	<b>-15</b>	<b>-27.3%</b>	<b>92</b>	<b>115</b>	<b>23</b>	<b>25.0%</b>	<b>21</b>	<b>29</b>	<b>8</b>	<b>38.1%</b>	<b>446</b>	<b>520</b>	<b>74</b>	<b>16.6%</b>	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>134</b>	<b>164</b>	<b>30</b>	<b>22.4%</b>	<b>143</b>	<b>187</b>	<b>44</b>	<b>30.8%</b>	<b>65</b>	<b>55</b>	<b>-10</b>	<b>-15.4%</b>	<b>113</b>	<b>145</b>	<b>32</b>	<b>28.3%</b>	<b>29</b>	<b>38</b>	<b>9</b>	<b>31.0%</b>	<b>551</b>	<b>680</b>	<b>129</b>	<b>23.4%</b>	

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVII)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

5. Nyatakan penerima bantuan zakat di Parlimen Kepala Batas dan senaraikan mengikut kategori bagi setiap DUN untuk tahun 2024.
- (a) Apakah kelayakan bagi setiap kategori?
- (b) Jika ada permohonan yang ditolak, nyatakan sebab-sebabnya.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Penerima Bantuan Zakat Parlimen Kepala Batas adalah seperti berikut:

<b>DUN</b>	<b>BIL. PENERIMA</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
<b>BERTAM</b>	<b>1423</b>	<b>3,326,692.04</b>
Fakir	297	451,189.75
Fisabilillah	303	1,774,989.69
Ghorimin	15	121,211.45
Ibnu Sabil	5	12,000.00
Miskin	803	967,301.15
<b>PENAGA</b>	<b>2866</b>	<b>4,530,154.76</b>
Fakir	802	1,158,455.66
Fisabilillah	379	1,308,306.85
Ghorimin	30	289,860.40
Ibnu Sabil	2	5,000.00
Miskin	1653	1,768,531.85
<b>PINANG TUNGGAL</b>	<b>2545</b>	<b>4,548,483.19</b>

Fakir	549	807,974.60
Fisabilillah	474	1,643,173.97
Ghorimin	64	517,387.70
Ibnu Sabil	3	6,500.00
Miskin	1455	1,573,446.92
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>6834</b>	<b>12,405,329.99</b>

- (a) Syarat kelayakan Bantuan Zakat bagi setiap kategori adalah seperti di **LAMPIRAN A**
- (b) Sebab-sebab permohonan ditolak lazimnya adalah kerana pemohon gagal mengemukakan dokumen secara lengkap dan tidak memenuhi kriteria/syarat yang telah ditetapkan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP).

**SYARAT UMUM PERMOHONAN BANTUAN ZAKAT DI ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP**

- 1) Beragama Islam.
- 2) Warganegara Malaysia atau Pemastautin Tetap.
- 3) Bermastautin di Pulau Pinang sekurang-kurangnya 3 bulan.
- 4) Pendapatan keluarga tidak mencukupi Had Al Kifayah.
- 5) Tidak menerima bantuan dari mana-mana pihak atau telah menerima bantuan tetapi masih belum mencukupi.
- 6) Memberi maklumat yang tepat semasa memohon bantuan.
- 7) Menggunakan wang/bantuan zakat yang diterima seperti tujuan permohonan.

**SKIM BANTUAN SARA HIDUP (KEWANGAN SEKALIGUS)**

**SYARAT-SYARAT BANTUAN**

- 1) Pemohon mestilah memenuhi syarat- syarat umum bantuan zakat
- 2) Tiada pendapatan atau berpendapatan tetapi tidak mencukupi had keperluan asasi
- 3) Pemohon mestilah tergolong dalam asnaf fakir dan miskin yang menghadapi masalah-masalah berikut:
- 4) Warga Emas yang uzur dan tiada anak yang dapat membantu
- 5) Berpenyakit yang menghalang pemohon bekerja.
- 6) Isteri yang keputusan belanja akibat kematian suami atau suami di tahan pihak berkuasa dan sebagainya.
- 7) Mempunyai ramai tanggungan yang masih belajar atau tiada keupayaan untuk bekerja.
- 8) Cacat fizikal / mental
- 9) Belum atau telah menerima bantuan daripada agensi lain tetapi tidak mencukupi had keperluan asasi.
- 10) Lain-lain kes yang tiada dalam senarai tetapi didapati boleh dipertimbangkan.

**SKIM BANTUAN KEWANGAN BULANAN**

**SYARAT-SYARAT BANTUAN**

- 1) Pemohon mestilah memenuhi syarat- syarat umum bantuan zakat
- 2) Tiada pendapatan atau berpendapatan tetapi tidak mencukupi had keperluan asasi
- 3) Pemohon yang sihat tubuh badan dan mampu bekerja tidak dipertimbangkan melainkan dokumen sokongan kesulitan kehidupan.
- 4) Keutamaan akan diberikan kepada kategori penerima berikut:
  - i. Warga Emas yang uzur dan tiada anak yang dapat membantu.
  - ii. Berpenyakit kronik
  - iii. Ibu tunggal/tinggal yang tiada sumber pendapatan atau tidak mencukupi
  - iv. Mempunyai ramai tanggungan yang masih belajar atau tiada keupayaan untuk bekerja.
  - v. Cacat fizikal / mental
  - vi. Belum atau telah menerima bantuan daripada agensi lain tetapi tidak mencukupi had keperluan asasi.

### SKIM INAPAN KASIH (SKIM BINA RUMAH ZAKAT PULAU PINANG)

#### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 1) Memenuhi syarat-syarat umum bantuan zakat.
- 2) Pemohon / isteri atau mana-mana ahli keluarga masih belum mempunyai rumah sendiri atau rumahnya yang sedia ada dalam keadaan yang terlalu daif.
- 3) Pemohon hendaklah mengemukakan surat akuan bersumpah bagi mengesahkan yang beliau tidak mempunyai rumah lain.
- 4) Pemohon / ketua keluarga mestilah pemastautin dan menetap sekurang-kurangnya 5 tahun di negeri Pulau Pinang. Bagi kes-kes yang kurang dari 5 tahun, syarat-syarat berikut mestilah dipatuhi:
  - i. Ibu / bapa pemohon berasal dari Pulau Pinang.
  - ii. Pemohon lahir di Pulau Pinang.
  - iii. Rumah yang diduduki pemohon bukan hak milik sendiri.
- 5) Permohonan hanya akan dipertimbangkan untuk tapak cadangan (tanah) yang berada di Pulau Pinang sahaja.
- 6) Pendapatan seisi keluarga tidak melebihi RM1,200.00 sebulan.
- 7) Pemohon mestilah mempunyai tanah sendiri atau mendapat kebenaran bertulis (surat sumpah) daripada pemilik tanah berkenaan yang diperakui oleh pesuruh jaya sumpah.
- 8) Sekiranya tanah dimiliki banyak penama, pemohon mestilah mendapatkan persetujuan bersumpah semua penama.
- 9) Sekiranya pemilik tanah tidak dapat dikenalpasti, pemohon mestilah mendapat sokongan daripada pihak kariah.
- 10) Permohonan mestilah dikemukakan bersama dokumen-dokumen sokongan berikut:
  - i. Salinan dokumen hak milik tanah (geran mukim/daftar sementara/borang 14A/surat kelulusan pejabat tanah).
  - ii. Surat kebenaran bersumpah tuan tanah.
  - iii. Salinan kad pengenalan tuan tanah.
- 11) Bagi pemohon yang bekerja, penyata terkini KWSP perlulah disertakan.
- 12) Zakat Pulau Pinang berhak menolak permohonan daripada pemohon yang mempunyai imej negatif di kalangan jiran-jiran dan penduduk setempat.
- 13) Had umur 40 tahun dan ke atas kecuali OKU atau berpenyakit kritikal.
- 14) Mempunyai tanggungan sekurang-kurangnya 3 orang ( 4 orang isirumah).
- 15) Pemohon yang mempunyai kenderaan yang selesa atau masih membayar ansuran kenderaan melebihi RM250 sebulan tidak layak dipertimbangkan bantuan ini.
- 16) Pemohon yang mampu melanggan astro / mempunyai alat penghawa dingin tidak layak dipertimbangkan.
- 17) Zakat Pulau Pinang berhak menolak permohonan pemohon yang telah memiliki rumah yang lain.

### SKIM BAIK PULIH RUMAH ZAKAT PULAU PINANG

#### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 1) Memenuhi syarat-syarat umum bantuan zakat.
- 2) Pemohon / ketua keluarga mestilah pemastautin dan menetap sekurang-kurangnya 5 tahun di negeri Pulau Pinang. Bagi kes-kes yang kurang dari 5 tahun, syarat-syarat berikut mestilah dipatuhi:
  - i. Ibu / bapa pemohon berasal dari Pulau Pinang
  - ii. Pemohon lahir di Pulau Pinang
  - iii. Rumah yang diduduki pemohon mestilah hak milik sendiri.
  - iv. Pemohon tidak memiliki rumah lain.
  - v. Pendapatan seisi keluarga tidak melebihi RM1,200.00 sebulan.
  - vi. Pemohon mestilah tinggal di atas tanah sendiri atau mendapat kebenaran bertulis (surat sumpah) daripada pemilik atau pemilik-pemilik tanah berkenaan yang diperakui oleh pesuruh jaya sumpah.
- 3) Sekiranya tanah dimiliki banyak penama, pemohon mestilah mendapatkan persetujuan bersumpah semua penama.
- 4) Sekiranya pemilik tanah tidak dapat dikenalpasti, pemohon mestilah mendapat sokongan daripada pihak kariah.
- 5) Rumah yang hendak dibaiki mestilah dimiliki pemohon dan merupakan tempat pemohon tinggal dan bukannya disewakan.
- 6) Permohonan mestilah dikemukakan bersama-sama dengan bukti pemilikan tanah seperti geran tanah dan sebagainya.
- 7) Bagi kes rumah terbengkelai:
  - i. Sekiranya rumah tersebut di bina oleh pemaju perumahan, permohonan tidak dapat dipertimbangkan.
  - ii. pembinaan rumah di luar kemampuan serta melebihi keperluan tidak akan dipertimbangkan
- 8) Bagi kes rumah pangsa, tanggung jawab pembaikan akan menjadi tanggung jawab pemaju.
- 9) Had umur 35 tahun dan ke atas kecuali OKU atau berpenyakit kritikal.
- 10) Mempunyai tanggungan sekurang-kurangnya 3 orang ( 4 orang isirumah)
- 11) Pemohon yang mempunyai kenderaan yang selesa atau masih membayar ansuran kenderaan melebihi RM250 sebulan tidak layak dipertimbangkan bantuan ini.
- 12) Pemohon yang mampu melanggan astro / mempunyai alat penghawa dingin tidak layak dipertimbangkan.
- 13) Zakat Pulau Pinang berhak menolak permohonan daripada pemohon yang mempunyai imej negatif di kalangan jiran-jiran dan penduduk setempat.
- 14) Zakat Pulau Pinang berhak menolak permohonan pemohon yang telah memiliki rumah yang lain.

**BANTUAN KEMASUKAN ELEKTRIK DAN AIR ZAKAT PULAU PINANG**

**SYARAT PERMOHONAN**

- 1) Pemohon mestilah memenuhi syarat umum bantuan zakat.
- 2) Pemohon mestilah mendapatkan persetujuan bertulis daripada semua tuan tanah yang terlibat.
- 3) Pemohon mestilah pemastautin di Negeri Pulau Pinang dan kediaman terlibat mestilah berada di Pulau Pinang.
- 4) Permohonan mestilah dibuat atas nama ketua keluarga.
- 5) Status rumah pemohon mestilah kepunyaan sendiri atau mendapat kebenaran bertulis daripada pemilik tanah berkenaan.
- 6) Bantuan ini diberi kepada kes pemasangan meter air/ elektrik yang baharu.

**SKIM AWAL PERSEKOLAHAN ZAKAT PULAU PINANG**

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

- 1) Pemohon mestilah memenuhi syarat umum bantuan zakat.
- 2) Pemohon mestilah pemastautin di negeri Pulau Pinang.
- 3) Pendapatan isirumah RM3,000.00 dan ke bawah.
- 4) Permohonan mestilah dibuat pada hujung tahun sebelum sesi seterusnya bermula atau pada awal sesi persekolahan.
- 5) Permohonan mestilah disertakan dengan surat pengesahan dari sekolah-sekolah yang anak-anak pemohon belajar.
- 6) Permohonan mestilah mendapat pengesahan / sokongan daripada pengerusi Kariah tempat pemohon bermastautin.
- 7) Mempunyai sekurang-kurangnya dua anak bersekolah (tidak termasuk pra sekolah).

**SKIM PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH ZAKAT PULAU PINANG (BAUCAR TANPA TUNAI)**

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

- 1) Pemohon mestilah memenuhi syarat umum bantuan zakat.
- 2) Pemohon mestilah pemastautin di negeri Pulau Pinang.
- 3) Pendapatan isi rumah RM 3000,00 dan ke bawah.
- 4) Mempunyai sekurang-kurangnya dua anak bersekolah (tidak termasuk pra sekolah).
- 5) Permohonan mestilah dibuat melalui pihak sekolah/Kadun/Penyelaras Kadun/ALP Zakat/Ahli MAINPP.
- 6) Seorang pelajar hanya berhak mendapat sekurang-kurangnya satu set kelengkapan persekolahan daripada Zakat Pulau Pinang

### SKIM PERMULAAN KE IPT ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP

#### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 1) Memenuhi syarat-syarat umum permohonan bantuan zakat.
- 2) Permohonan sah dalam tempoh 6 bulan pertama daripada tarikh surat tawaran sambung belajar diterima.
- 3) Anak pemohon (pelajar) telah mendapat tawaran untuk belajar di peringkat matrikulasi / asasi / sijil atau diploma atau ijazah pertama sahaja.
- 4) Permohonan hanya dipertimbangkan untuk pengajian kali pertama sahaja bagi setiap peringkat.

### SKIM DERMASISWA PENGAJIAN ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP

#### SYARAT PERMOHONAN

- 1) Pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat umum bantuan Zakat.
- 2) Pemohon yang telah ada rekod permohonan perlu kemaskini:
  - Surat pengesahan belajar TERKINI (Tahun Semasa) – Diperolehi dari IPT
  - Surat Pengesahan bermastautin pelajar dan pengesahan pendapatan ibu bapa yang tidak mempunyai penyata gaji TERKINI hendaklah disertakan bersama Tarikh Semasa memohon.
  - Keputusan peperiksaan/laporan kemajuan TERKINI – Tahun Semasa.
- 3) Belajar di Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)/Kerajaan Malaysia/MAINPP kecuali Politeknik, Kolej Kemahiran / MARA dan Kolej Komuniti atau seumpamanya tidak akan dipertimbangkan.  
Permohonan hendaklah dilakukan secara dalam talian dan memuat naik (upload) dokumen yang benar di tempat yang telah ditetapkan.
- 4) Pemohon mengikuti pengajian sepenuh masa di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dalam semua bidang atau mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Dermasiswa Pengajian dan Pendidikan Zakat Pulau Pinang.
- 5) Keputusan nilai purata semester CGPA 2.75 dan ke atas sahaja yang layak dipertimbangkan bagi pelajar dalam negara manakala bagi pelajar luar negara mereka yang lulus sahaja akan dipertimbangkan. Kecuali Indonesia Pengajian Islam (keputusan nilai purata sama dengan Malaysia).
- 6) Permohonan bagi peringkat Ijazah Sarjana (Master) dan Ijazah Kedoktoran (PhD) dibuka kepada semua bidang pengajian dengan menyertakan 'Laporan Kemajuan Pembelajaran' / CGPA.
- 7) Ibubapa yang bekerja dan layak membayar zakat mestilah membayar zakat pendapatan / harta mereka di Zakat Pulau Pinang, MAINPP.
- 8) Pemohon yang menetap dan tinggal di luar Pulau Pinang tidak layak memohon kecuali ibubapa membayar zakat harta di Pulau Pinang.
- 9) Pemohon mestilah tidak memohon/menerima bantuan zakat dari negeri lain.
- 10) Pemohon yang telah tamat pengajian semasa tawaran ini dibuka adalah tidak layak memohon kecuali Pengajian Islam di Mesir, Jordan dan Maghribi sahaja.
- 11) Kelulusan Skim Dermasiswa Pengajian adalah muktamad berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Dermasiswa Pengajian dan Pendidikan Zakat Pulau Pinang, MAINPP serta prestasi kewangan semasa.

- 12) Diploma lanjutan adalah tidak layak memohon dan tidak akan dipertimbangkan.

### **SKIM TAJAAN PELAJAR ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP**

#### **SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

- 1) Pemohon mestilah memenuhi syarat umum bantuan zakat.
- 2) Pemohon mestilah memenuhi syarat khusus yang ditetapkan oleh pihak agensi.

### **BANTUAN MODAL PERNIAGAAN ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP**

#### **SYARAT-SYARAT BANTUAN**

- 1) Pemohon mestilah memenuhi syarat- syarat umum bantuan zakat;
- 2) Pemohon yang sihat tubuh badan dan mampu bekerja (berniaga) dipertimbangkan melainkan dokumen sokongan kesulitan kehidupan;
- 3) Pemohon mestilah tergolong dalam kategori usahawan dan keutamaan bergantung kepada kriteria berikut untuk menyokong permohonan:
- 4) Perniagaan merupakan sumber utama pendapatan keluarga;
- 5) Tidak berpenyakit kronik (Penyakit berjangkit);
- 6) Produk yang dihasilkan berdaya maju, terpinggir dan dimonopoli oleh bukan bumiputera;
- 7) Suami berpendapatan rendah /kematian suami @ suami di tahan pihak berkuasa dan Isteri menyambung/menjalankan perniagaan untuk menambah pendapatan keluarga;
- 8) Terputus modal atas sebab yang munasabah seperti mempunyai ramai tanggungan yang masih belajar atau anak/isteri/suami tidak sihat;
- 9) Belum atau telah menerima bantuan daripada agensi lain tetapi berpotensi untuk memajukan perniagaan.;
- 10) Lain-lain kes yang tiada dalam senarai tetapi didapati boleh dipertimbangkan untuk mempertingkatkan tahap ekonomi masyarakat sekeliling.

**SKIM NUR RAMADAN ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP**

**SYARAT DAN KELAYAKAN**

- 1) Beragama Islam.
- 2) Warganegara Malaysia serta bermastautin di Pulau Pinang.
- 3) Berpendapatan keluarga tidak mencukupi Had Al-Kifayah seperti berikut:

<b>NO.</b>	<b>KATEGORI</b>	<b>JUMLAH HAD KIFAYAH (RM)</b>
1	Ketua Keluarga	RM775.00
2	Isteri	RM290.00
3	Anak/Tanggungan	Rm265.00

- 4) Hanya Ketua Keluarga sahaja layak memohon bagi setiap keluarga atau isi rumah iaitu seperti berikut:

<b>NO.</b>	<b>KATEGORI</b>	<b>STATUS PERKAHWINAN</b>
1	Suami	Jika Berkahwin
2	Isteri	Jika Berceraai
3	Isteri	Jika ditinggalkan suami tanpa nafkah

- 5) Mengisi dan melengkapkan borang yang disediakan oleh pihak ZPP secara atas talian.
- 6) Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses.
- 7) **Permohonan adalah HANYA melalui Pusat Khidmat Adun dan Penyelaras Kadun Kawasan sahaja**

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVII)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

6. Senaraikan bilangan pemohon rumah kos rendah (LC) dan kos sederhana rendah (LMC) di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) mengikut DUN.
  - (a) Nyatakan bilangan pemohon mengikut bangsa serta status menunggu dari tahun 2020 sehingga kini.
  - (b) Apakah usaha Kerajaan dalam mempercepatkan kelulusan permohonan ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Berdasarkan rekod di dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP), Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) dari 1 Januari 2020 sehingga 31 Oktober 2024, jumlah keseluruhan pemohon yang memohon Rumah Kos Rendah (RMM A) dan Rumah Kos Sederhana Rendah (RMM B1) mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) adalah seramai 1,477 orang pemohon. Perincian bagi permohonan RMM A dan RMM B1 di SPU mengikut DUN adalah seperti berikut:

DAERAH	DUN	RMM A	RMM B1	JUMLAH
SPU	PENAGA	117	52	169
	BERTAM	98	53	151
	PINANG TUNGGAL	150	85	235
	PERMATANG BERANGAN	102	45	147
	SUNGAI DUA	110	56	166
	TELOK AYER TAWAR	80	50	130
	SUNGAI PUYU	94	81	175
	BAGAN JERMAL	124	73	197
	BAGAN DALAM	61	46	107
				<b>1,477</b>

- (a) Jumlah senarai menunggu dari 1 Januari 2020 sehingga 31 Oktober 2024 bagi permohonan RMM A dan RMM B1 mengikut DUN di SPU adalah seramai 1,007 orang pemohon. Perincian bagi statistik ini adalah seperti berikut:

DAERAH	DUN	RMM A				RMM B1				JUMLAH
		M	C	I	L	M	C	I	L	
SPU	PENAGA	74	1	1	0	42	1	1	1	121
	BERTAM	52	0	5	0	39	13	6	0	115
	PINANG TUNGGAL	99	5	7	0	66	5	4	0	186
	PERMATANG BERANGAN	61	0	3	0	29	2	5	0	100
	SUNGAI DUA	64	10	1	0	41	6	0	0	122
	TELOK AYER TAWAR	41	5	2	0	20	12	5	1	86
	SUNGAI PUYU	8	19	6	0	11	46	8	0	98
	BAGAN JERMAL	16	24	13	0	10	28	16	0	107
	BAGAN DALAM	16	7	11	1	9	12	15	1	72
<b>JUMLAH</b>		<b>552</b>				<b>455</b>				<b>1007</b>

- (b) Terdapat pelbagai inisiatif yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mempercepat proses permohonan. Antara langkah tersebut adalah pihak LPNPP telah melaksanakan permohonan RMM secara dalam talian di portal [www.lpnpp.gov.my](http://www.lpnpp.gov.my) yang telah bermula pada 1 Ogos 2023. Pemohon dikehendaki untuk memuat naik dokumen sokongan semasa mendaftar permohonan secara dalam talian dan tiada lagi dokumen perlu dihantar secara serahan tangan atau pos di kaunter Paras 20, KOMTAR.

Kerajaan Negeri juga telah menetapkan dasar yang mana kemas kini setiap tiga (3) tahun diperlukan bagi setiap permohonan RMM. Melalui dasar ini, pihak LPNPP hanya melaksanakan penawaran unit RMM A, RMM B dan RMM C kepada pemohon yang berada dalam senarai menunggu yang aktif di dalam SMP LPNPP berdasarkan ketersediaan unit perumahan itu sendiri.

Secara umumnya, pemohon perlu memuat naik semua dokumen sokongan yang berkaitan dan mengemas kini maklumat permohonan yang telah melebihi tiga (3) tahun dari tarikh permohonan. Walau bagaimanapun, SMP masih mengekalkan data-data pendaftaran sejak tahun 2008 yang mempunyai maklumat tidak tepat kerana tidak dikemas kini dan tidak melalui proses pemurniaan data.

Sehubungan dengan itu, pihak LPNPP telah menggiatkan usaha hebahan kepada orang awam melalui platform media sosial, surat khabar dan pameran. Bermula pada bulan Januari 2025, LPNPP mengambil inisiatif untuk melaksanakan pemurnian data dengan membuat penyisihan data permohonan yang tidak aktif iaitu telah melebihi tiga (3) tahun dari tarikh permohonan bagi memperkukuh serta memastikan kualiti data permohonan di dalam SMP LPNPP.

19. Berapakah jumlah peruntukan kewangan yang Kerajaan Negeri salurkan kepada George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) sejak Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) itu ditubuhkan?
- (a) Apakah pencapaian dan pengiktirafan yang telah dicapai oleh GTWHI?
- (b) Mengapakah video klip promosi George Town Festival 2024 menetapkan budaya Melayu?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Jumlah peruntukan kewangan yang Kerajaan Negeri salurkan kepada George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) sejak ditubuhkan pada tahun 2010 adalah seperti di Jadual 1:

<b>Tahun</b>	<b>Geran Pengurusan (RM)</b>	<b>Peruntukan Projek (RM)</b>	<b>Peruntukan George Town Festival (RM)</b>
2010	861,359.96	-	
2011	1,000,000	-	1,000,000
2012	1,000,000	-	1,750,000
2013	1,500,000	992,894	3,000,000
2014	1,500,000	1,599,642	3,100,000
2015	2,250,000	586,367	3,500,000
2016	2,300,000	1,862,596	4,000,000
2017	2,530,000	1,738,017	4,500,000

2018	2,700,000	1,743,015	4,500,000
2019	2,700,000	1,595,983	3,000,000
2020	3,200,000	319,741	1,000,000
2021	3,200,000	1,262,726	1,500,000
2022	3,200,000	1,691,140	1,500,000
2023	3,200,000	748,851	1,500,000
2024	2,750,000	25,000,000	1,500,000
<b>JUMLAH</b>	<b>33,891,359.96</b>	<b>39,140,972.00</b>	<b>35,350,000.00</b>

Jadual 1: Jumlah peruntukan kewangan yang disalurkan Kerajaan Negeri kepada GTWHI Tahun 2010-2024

- (a) Pencapaian dan pengiktirafan utama yang telah dicapai oleh GTWHI sehingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Video *teaser* George Town Festival 2024 secara dasarnya tidak mengeneipkan budaya Melayu. Salah seorang penari di dalam video tersebut, Puan Aida Redza merupakan anak Melayu Pulau Pinang dan seorang penari tempatan yang terkemuka. Upacara perasmian George Town Festival 2024 juga menonjolkan Boria sebagai acara pembukaan. Selain itu, sekurang-kurangnya lapan (8) program dari individu dan kumpulan masyarakat Melayu terdapat dalam program George Town Festival 2024. Program-program tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Persembahan PEON oleh Patblas Creative;
  - (ii) Lawatan Berpandu: Pengalaman Prangin oleh Moka Mocha Ink;
  - (iii) C.O.R.E. Konsert Tempatan oleh Uah Music Culture;
  - (iv) Persembahan Chorelab Asia Tenggara oleh MyDance Alliance;
  - (v) Persembahan Tarian di Tempat oleh MyDance Alliance;
  - (vi) Pameran Seni USM: Pelayaran Penemuan @GTF;
  - (vii) Bengkel 63-65: Nota daripada Bengkel Perpisahan oleh Bahri & Co.; dan
  - (viii) Persembahan: Eksperimen@Courtyard China House.

## LAMPIRAN A

### **PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN UTAMA YANG TELAH DICAPAI OLEH GTWHI (PADA 2014-2024)**

- (a) George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) berjaya menganjurkan “We Are Site Managers International Symposium” dari 1 hingga 5 Mac 2024. Simposium ini merupakan aktiviti yang terbesar dengan penyertaan 130 Pengurus Tapak Warisan Dunia dari 37 negara. Simposium ini juga telah mengangkat Deklarasi George Town (2024) sebagai usaha global dalam menguatkan jaringan dan kerjasama antara Pengurus Tapak Warisan UNESCO. Pencapaian dan usaha simposium ini dan Deklarasi George Town telah diiktiraf dan diperakukan dalam Deklarasi Forum Pengurus Tapak Warisan Dunia Ke-6 semasa Mesyuarat Jawatankuasa Warisan Dunia UNESCO Sesi ke-46 di New Delhi, India.
  
- (b) Pada Julai 2023, GTWHI berjaya mendapat peruntukan geran sebanyak RM25.0 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan projek pemuliharaan dan pengurusan Tapak Warisan Dunia UNESCO Melaka dan George Town: Bandar-bandar Bersejarah di Selat Melaka.
  
- (c) Pada 27 April 2024, GTWHI telah melaksanakan Program Taklimat dan Latihan Pengurangan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti terhadap Warisan Budaya yang telah memanfaatkan penduduk setempat di dalam Tapak Warisan Dunia George Town. Projek ini telah mendapat sokongan dan kerjasama penuh daripada Balai Bomba dan Penyelamat Lebuhr Pantai.

- (d) Sepanjang tahun 2024, GTWHI telah memasang 10 unit defibrilator luaran automatik (AED) di bangunan warisan Kategori 1 di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.
- (e) GTWHI telah berjaya menganjurkan Bengkel Pembinaan Kapasiti Warisan Budaya Tidak Ketara pada 8 hingga 9 Ogos 2024. Bengkel ini dipimpin oleh dua (2) orang Fasilitator UNESCO Bertauliah dan telah memanfaatkan 28 orang peserta.
- (f) Pada tahun 2023, projek “Community-Based on Disaster Risk Reduction” yang dilaksanakan oleh GTWHI telah dipaparkan oleh ICCROM Panorama.
- (g) GTWHI sebagai Penasihat Warisan Projek Rejuvenasi Sia Boey telah berjaya menjadikan Sia Boey sebagai Taman Hijau Arkeologi Bandar yang pertama di Malaysia. Projek ini juga telah memenangi *Honorary Mention* dibawah *The Edge Malaysia-PAM Green Excellence Award 2020*, dan *MIP Planning Excellence Awards 2022*.
- (h) Pelaporan Berkala (UNESCO *Third Cycle of Periodic Reporting in the Region of Asia and the Pacific*) merupakan salah satu mekanisme pemantauan pemuliharaan teras Konvensyen Warisan Dunia yang dijalankan setiap enam tahun. GTWHI telah bekerjasama dengan Jabatan Warisan Negara dalam melengkapkan Pelaporan Berkala ini pada Julai 2021. Ini secara langsung dapat menjamin status George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO dikekalkan.

- (i) George Town Heritage Habitat Seed Fund yang merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui GTWHI membantu pemilik bangunan warisan memperbaiki dan memulihkan bangunan warisan yang disewakan kepada penyewa jangka masa panjang dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. GTWHI telah menyempurnakan pemuliharaan 6 bangunan warisan kategori II (iaitu No 23. Lebuh Queen, No. 25 Lebuh Queen, No. 41 Lebuh Bishop, No. 42A Lebuh Bishop, No. 1 Lorong Muda dan No. 5 Lebuh King) sepanjang tahun 2020 hingga 2024.
  
- (j) Projek Normal Baharu di George Town (*George Town UNESCO World Heritage Site: Bracing The New Normal With Cultural Heritage*) yang telah dijalankan sejak 8 Julai 2020 dan disempurnakan pada tahun 2022 telah membantu peralihan sektor warisan budaya Pulau Pinang ke dalam menghadapi normal baharu. Terdapat 203 permohonan telah diterima bagi projek komponen Video Warisan, 253 permohonan bagi projek komponen Pembaikan Bangunan Warisan, dan 153 permohonan bagi komponen Sokongan Perniagaan Tempatan. Pihak GTWHI telah menggunakan sistem pangkalan data dalam talian untuk merekodkan informasi pemohon dan bangunan warisan yang terlibat dalam projek ini. Projek ini juga mendapat pengiktirafan daripada UNESCO melalui tajaan tambahan daripada Japan Funds-in-Trust sebanyak USD30,000.
  
- (k) Pada 10 Oktober 2020, Pengurus Besar GTWHI Dr Ang Ming Chee telah memenangi Anugerah Amalan Teladan Terbaik dalam Pengurusan Risiko Bencana Warisan Budaya daripada Institut

Pengurangan Risiko Bencana bagi Bandar Warisan Budaya, Universiti Ritsumeikan, Kyoto, Jepun, dan Pusat Penyelidikan Antarabangsa bagi Pemeliharaan dan Pemulihan Harta Kebudayaan (ICCROM).

- (l) George Town telah dipilih oleh UNESCO sebagai satu-satunya bandar di Rantau Asia Pasifik untuk melaksanakan projek perintis “Community-Based Intangible Cultural Heritage Inventorying in George Town”. Projek ini telah disempurnakan oleh GTWHI pada Jun 2019.
  
- (m) Dari 20 hingga 21 Jun 2019, GTWHI dengan kerjasama Pejabat UNESCO Jakarta menganjurkan “*Experience Sharing Workshop on Disaster Risk Reduction Strategy among Heritage Cities in Southeast Asia, Pacific and Africa*”. GTWHI menjadi kajian kes yang ditampilkan untuk projek ini (<https://whc.unesco.org/en/news/1991/>)
  
- (n) GTWHI telah berjaya menganjurkan pameran bertajuk George Town: Cantik dan Berubah Tukar bermula 11 Jun hingga 27 Julai 2018 sempena Ulang Tahun Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town ke-10.
  
- (o) GTWHI telah berjaya menganjurkan Bengkel “*Enhancing Institutional Capacity In Reducing Disaster Risks Of Heritage Cities In Southeast Asia And Small Island Developing States In The Pacific*” pada 5 dan 6 April 2017 dengan kerjasama UNESCO Jakarta, UNESCO Apia, dan ICCROM. Projek ini memberi sokongan teknikal kepada *Island of Mozambique* dan

menyediakan platform untuk Mozambique, Fiji, Samoa, Indonesia dan Malaysia untuk bertukar pengalaman mengenai pengurusan risiko bencana masing-masing.

- (p) Pada tahun 2016, GTWHI telah berjaya menyempurnakan “UNESCO Project on Sustainable Tourism at the World Heritage sites in Southeast Asia” dengan kerjasama UNESCO.
- (q) GTWHI telah berjaya menganjurkan *George Town Heritage Celebrations* (GTHC) pada setiap tahun sempena Ulang Tahun Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. Maklumat sambutan setiap tahun bermula 2014 adalah seperti di Jadual 1.

<b>Tahun</b>	<b>Tahun Sambutan</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Bilangan Peserta (Orang)</b>
2014		6 Julai 2014	Tiada maklumat
2015	ke-7 ke-6	4-7 Julai 2015	Tiada maklumat
2016	ke-8	7-9 Julai 2016	Tiada maklumat
2017	ke-9	7-9 Julai 2017	Tiada maklumat
2018	ke-10	7 Julai 2018	Tiada maklumat
2019	ke-11	6-8 Julai 2019	20,000
2021	Ke-13	7 Julai 2021	Tiada maklumat
2022	ke-14	2,3&7 Julai 2022	9,800
2023	ke-15	7-9 Julai 2023	11,000
2024	ke-16	7 Julai 2024	18,000

Jadual 1: Maklumat sambutan GTHC dari 2014 sehingga 2024.

- (r) George Town Festival merupakan aktiviti tahunan yang terkenal di peringkat antarabangsa dan dikendalikan di bawah payung George Town World Heritage Incorporated sejak tahun 2010. Festival ini menyambut pengiktirafan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO dan Nilai Keunggulan Sejagatnya, sambil mempamerkan kekayaan dan kepelbagaian kesenian, kebudayaan dan warisan dalam persembahan berkelas dunia

melalui kolaborasi dengan artis-artis tempatan dan antarabangsa. GTWHI telah berjaya menganjurkan George Town Festival 2024 pada 18 hingga 29 Julai 2024 dengan tema “Here and Now”. Festival ini telah berjaya menarik 100,000 pengunjung setempat dan luar negara. Maklumat penganjuran George Town Festival sehingga tahun 2023 adalah seperti di Jadual 2.

<b>Tahun</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Bilangan Pengunjung (Orang)</b>
2014	1 Ogos hingga 31 Ogos 2014	Tiada maklumat
2015	1 Ogos hingga 31 Ogos 2015	Tiada maklumat
2016	29 Julai hingga 28 Ogos 2016	Tiada maklumat
2017	28 Julai hingga 3 September 2017	Tiada maklumat
2018	4 Ogos hingga 2 September 2018	Tiada maklumat
2019	13 hingga 28 Julai 2019	300,000
2021	10 hingga 18 Julai 2021	Tiada maklumat
2023	1 hingga 30 Julai 2023	176,635

Jadual 2: Maklumat penganjuran George Town Festival sehingga tahun 2023

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVII)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

20. Sejauh manakah Kerajaan Negeri meneroka sumber air bawah tanah? Nyatakan kesimpulan laporan sekiranya ada.
- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk meneroka sumber air bawah tanah?
  - (b) Adakah kerajaan merancang untuk menggalakkan sektor industri menggunakan air bawah tanah untuk menjamin keperluan air yang diperlukan oleh pengguna-pengguna domestik?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan penerokaan sumber air baharu melibatkan sumber air bawah tanah. Sehingga kini Kerajaan Negeri telah menerima beberapa cadangan daripada syarikat-syarikat swasta berkaitan dengan sumber air bawah tanah namun kajian awalan (feasibility study) perlu dilaksanakan terlebih dahulu untuk melihat kawasan yang berpotensi untuk dijadikan sumber air bawah tanah dan implikasi pelaksanaan dari segi teknikal di kawasan yang terlibat kerana sehingga kini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai laporan kajian menyeluruh berkaitan dengan penerokaan sumber air bawah tanah.
- (a) Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan untuk pelaksanaan kerja-kerja *mapping* bagi keseluruhan Negeri Pulau Pinang kepada pihak Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia untuk diangkat melalui peruntukan di bawah RMK-12

RP5 kerana ianya melibatkan jumlah kos pelaksanaan yang tinggi kepada Kerajaan Negeri.

- (b) Kerajaan Negeri melalui BKSA dalam proses untuk menyediakan Enakmen Lembaga Sumber Air bagi Negeri Pulau Pinang dan melalui enakmen ini telah memperuntukkan punca kuasa Lembaga Air yang akan ditubuhkan nanti untuk mengawal penggunaan air melalui kaedah pelesenan kepada aktiviti sumber termasuk air bawah tanah. Melalui punca kuasa ini, kawalan akan dilaksanakan dengan lebih teratur dan komprehensif di samping menggalakkan sektor industri untuk meneroka sumber air baharu.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVII)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

21. Kaedah pengurusan sampah Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sudah lama tidak dinaik taraf.
- (a) Nyatakan prosedur operasi standard (SOP) pengurusan sampah.
  - (b) Senaraikan lokasi tong sampah dalam Parlimen Kepala Batas mengikut DUN.
  - (c) Adakah terdapat penambahan tong sampah sejak tahun 2020 hingga 2024?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. (a) SOP pengurusan sampah oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah berdasarkan jenis kawasan kediaman seperti berikut:
- (i) Kediaman Bertanah
    - 1) Penduduk mengeluarkan sampah dan dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan oleh penduduk sendiri;
    - 2) Pihak MBSP akan menjalankan kutipan secara rumah ke rumah sebanyak tiga (3) kali seminggu di tong yang disediakan oleh penduduk; dan
    - 3) Sampah yang dikutip oleh MBSP akan dilupuskan di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB).

(ii) Kediaman Strata

- 1) Penduduk di kediaman strata mengeluarkan sampah dan dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan secara berpusat oleh Pihak Pengurusan;
- 2) Pihak MBSP hanya menjalankan kutipan sampah di lokasi berpusat tersebut sahaja. Jadual kutipan bagi kawasan strata adalah setiap hari; dan
- 3) Sampah yang dikutip oleh Majlis akan dilupuskan di TPSPB.

(iii) Kediaman kampung

- 1) Penduduk kampung hendaklah mengeluarkan sampah dan dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan di tepi jalan oleh pihak MBSP;
- 2) Pihak MBSP akan menjalankan kutipan di tong-tong berpusat yang diletakkan untuk kegunaan penduduk kampung secara jadual sehari sekali; dan
- 3) Sampah yang dikutip oleh MBSP akan dilupuskan di TPSPB.

(b) Lokasi tong sampah yang disediakan oleh MBSP bagi Parlimen Kepala Batas mengikut DUN adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(c) Terdapat penambahan bilangan tong sampah yang disediakan oleh MBSP bagi kawasan Parlimen Kepala Batas iaitu seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Tong Sampah</b>
2020	105
2021	117
2022	125
2023	137
2024	161

## SENARAI LOKASI TONG SAMPAH KOMUNAL BAGI PARLIMEN KEPALA BATAS

BIL	DUN	LOKASI	KEDUDUKAN TONG	PEMILIK TONG KOMUNAL	JUMLAH TONG SEDIA	KOORDINAT GPS
1	PENAGA	JALAN PERMATANG RAMBAI	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.524259, 100.396320
2	PENAGA	TONG PERMATANG KUANG	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.524047, 100.402259
3	PENAGA	JALAN PADANG BENGGALI (DEPAN KILANG)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.504769, 100.377954
4	PENAGA	TONG TAMAN BINTANG	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.498726, 100.379175
5	PENAGA	TONG SG ABDUL KAMPUNG NELAYAN	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.497531, 100.378849
6	PENAGA	TONG JALAN BUTTERWORTH (TEPI BHP PERMATANG SINTOK)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.511226, 100.403198
7	PENAGA	PAYA CINA	DALAM KAMPUNG	MBSP	1	5.551074, 100.428221
8	PENAGA	DEWAN BANJIR GUAR KEPAH	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.558838, 100.420509
9	PENAGA	JALAN GUAR KEPAH (SELEKOH)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.560537, 100.419033
10	PENAGA	JALAN GUAR KEPAH (DEPAN SURAU)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.561507, 100.414566
11	PENAGA	DEWAN BANJIR PENGKALAN BONGOR	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.561645, 100.408377
12	PENAGA	LAHAR MINYAK (DEPAN KUBUR)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.557954, 100.403247
13	PENAGA	PERMATANG KABU	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.556536, 100.398513
14	PENAGA	LAHAR MINYAK (KILANG TEPUNG)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.554002, 100.390343
15	PENAGA	PERMATANG TOK BRAIN (TEPI BENDANG)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.551898, 100.384155
16	PENAGA	PERMATANG BENDAHARI (KAMPUNG TOK OTEK)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.562253, 100.376811
17	PENAGA	PERMATANG BENDAHARI (KG. SUNGAI KEDAK)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.570583, 100.375953
18	PENAGA	PERMATANG BENDAHARI DEKAT KAMPUNG	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.573955, 100.375564
19	PENAGA	JALAN PERMATANG BENDAHARI (TONG KERA)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.578495, 100.373165
20	PENAGA	PENKALAN SENA PULAU MERTAJAM	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.575206, 100.367722
21	PENAGA	DEPAN SK PULAU MERTAJAM	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.573233, 100.364780
22	PENAGA	JALAN KUALA MUDA (KAMPUNG BAKAU TUA)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.567646, 100.359144
23	PENAGA	JALAN KUALA MUDA (POKOK BESAR)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.569496, 100.347871
24	PENAGA	JALAN KUALA MUDA (DEPAN KLINIK KESIHATAN)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.571998, 100.340757
25	PENAGA	KUALA MUDA (TAPAK PARKING / MASJID)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.574267, 100.338832
26	PENAGA	KUALA MUDA (DEPAN TOKONG)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.575730, 100.339357
27	PENAGA	PASAR BISIK KUALA MUDA	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.575630, 100.341556
28	PENAGA	TAMAN PERDA KUALA MUDA (KEDAI)	DALAM KAWASAN TAMAN	MBSP	1	5.570401, 100.343349
29	PENAGA	TAMAN PERDA KUALA MUDA (KUBUR)	DALAM KAWASAN TAMAN	MBSP	1	5.572771, 100.342990
30	PENAGA	TAMAN PERDA KUALA MUDA (SURAU)	DALAM KAWASAN TAMAN	MBSP	1	5.571795, 100.345043
31	PENAGA	JALAN PASIR GEBU (PERMATANG RAWA)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.565682, 100.366075
32	PENAGA	JALAN PASIR GEBU (DEPAN KLINIK DESA)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.555671, 100.372091
33	PENAGA	JALAN PASIR GEBU (TRAFIK LIGHT)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.547376, 100.377327
34	PENAGA	KOTA AUR 1	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.558973, 100.382992
35	PENAGA	KOTA AUR 2	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.566708, 100.385330
36	PENAGA	JALAN BAWAH RANTAU PANJANG 1	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.570733, 100.398575
37	PENAGA	JALAN BAWAH RANTAU PANJANG 2	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.569535, 100.393318

38	PENAGA	JALAN ATAS RANTAU PANJANG	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.567005, 100.405278
39	PENAGA	JALAN PERMATANG KUALA PENAGA	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.503346, 100.393260
40	PENAGA	JALAN PERMATANG KUALA (PMTG. PAUH PENAGA)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.514617, 100.387256
41	PENAGA	PERMATANG PAK MARAS PENAGA	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.518023, 100.382684
42	PENAGA	JALAN PENAGA (DEPAN KLINIK KESIHATAN LAMA)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.532981, 100.380907
43	PENAGA	JALAN BAKAR KAPOR PENAGA (TITI)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.543981, 100.378223
44	PENAGA	PEKAN PENAGA (KEDAI EMAS)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.526840, 100.381451
45	PENAGA	JALAN LAHAR KEPAR (MEDAN SELERA LAHAR IKAN MATI)	DALAM KAWASAN	MBSP	1	5.531208, 100.429619
46	PENAGA	JALAN LAHAR KEPAR ( KAMPUNG PADANG )	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.531208, 100.429619
47	PENAGA	JALAN LAHAR KEPAR (NASI SILA)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.538704, 100.415445
48	PENAGA	JALAN LAHAR KEPAR (KAMPUNG BAHARU)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.532493, 100.382125
49	PENAGA	PPRT PENAGA (BERHAMPIRAN TAMAN PENAGA)	DALAM KAWASAN	MBSP	1	5.534677, 100.372775
50	PENAGA	JALAN BAWAH (BELAKANG SMK SRI MUDA)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.534425, 100.379171
51	PENAGA	JALAN BAWAH (BAKAR KAPOR)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.538130, 100.378685
52	PENAGA	JALAN GUAR TUAN SYED	DALAM KAMPUNG	MBSP	1	5.548061, 100.400162
53	PENAGA	JALAN PADANG TEMBUSU	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.539924, 100.386786
54	BERTAM	TAMAN HERBA	DALAM KAWASAN	MBSP	1	5.517732, 100.434564
55	BERTAM	KOMPLEKS SUKAN BERTAM	DALAM KAWASAN	MBSP	4	5.516288, 100.436461
56	BERTAM	DEWAN MILENIUM	DALAM KAWASAN	MBSP	2	5.513989, 100.437979
57	BERTAM	WISMA UMNO	DALAM KAWASAN	MBSP	1	5.516935, 100.438090
58	BERTAM	JALAN MALIKI	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.515665, 100.426167
59	BERTAM	TONG BALAI TRAFIK JALAN BUTTERTWORTH	DALAM KAWASAN	MBSP	1	5.521750, 100.427999
60	BERTAM	JALAN BUTTERTWORTH (KOMPLEKS PERMATANG MANGGIS)	DALAM KAWASAN	MBSP	1	5.514658, 100.417012
61	BERTAM	TONG FLAT PERMATANG SINTOK	DALAM KAWASAN	MBSP	3	5.514006, 100.404761
62	BERTAM	JALAN SATU 1 (TOKONG)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.512690, 100.433221
63	BERTAM	JALAN HAJI AHMAD BADAWI (KILANG SEPAKAT)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.512082, 100.429968
64	BERTAM	JALAN HAJI AHMAD BADAWI (NAFAS)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.509195, 100.429890
65	BERTAM	JALAN HAJI AHMAD BADAWI (DEPAN SEKOLAH)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.506984, 100.429852
66	BERTAM	JALAN 3 (TAMAN SRI SERDANG)	DALAM KAWASAN	MBSP	3	5.505116, 100.434142
67	BERTAM	JALAN 1 (PHANG OO LANG)	DALAM KAWASAN	MBSP	2	5.512574, 100.431953
68	BERTAM	JALAN PADANG KELAB (DEPAN SEK HASHIM AWANG)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.516591, 100.428149
69	BERTAM	JALAN HAJI AHMAD BADAWI (KULIM BURGER)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.519096, 100.430201
70	BERTAM	JALAN HAJI AHMAD BADAWI (DEPAN KUIL)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.520260, 100.430257
71	BERTAM	JALAN HAJI AHMAD BADAWI (HALFCUT)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.526650, 100.430167
72	BERTAM	JALAN PAYA KELADI (DEPAN KEMAS)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.535113, 100.433756
73	PINANG TUNGGAL	KILANG PADI PERMATANG TINGGI A	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.540974, 100.432848
74	PINANG TUNGGAL	PERMATANG DAMAR	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.551233, 100.436059
75	PINANG TUNGGAL	PANTAI KAMLOON	DALAM KAMPUNG	MBSP	1	5.552638, 100.453006
76	PINANG TUNGGAL	TOKONG CINA BUMBUNG LIMA	DALAM KAMPUNG	MBSP	1	5.554098, 100.435639
77	PINANG TUNGGAL	TONG KOMPLEKS PERDA BUMBUNG LIMA	DALAM KAMPUNG	MBSP	1	5.556988, 100.435669
78	PINANG TUNGGAL	PERMATANG TINGGI C	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.540599, 100.438796
79	PINANG TUNGGAL	JALAN PAYA KELADI (DEPAN KEDAI BOTOL)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.538436, 100.444459

80	PINANG TUNGGAL	JALAN PAYA KELADI (DEPAN BENGKEL)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.537966, 100.447150
81	PINANG TUNGGAL	JALAN PAYA KELADI (DEPAN BERNAS)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.537470, 100.452514
82	PINANG TUNGGAL	JALAN PAYA KELADI (TONG TAHFIZ)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.539434, 100.461791
83	PINANG TUNGGAL	SEK MEN KEB DATO KAILAN	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.539442, 100.467203
84	PINANG TUNGGAL	JALAN PAYA KELADI (PERMATANG DURIAN)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.542321, 100.476731
85	PINANG TUNGGAL	LAHAR TIANG	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.547050, 100.479290
86	PINANG TUNGGAL	PERMATANG LANGSAT	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.550271, 100.491234
87	PINANG TUNGGAL	CALTEX DATO LAN	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.550849, 100.496564
88	PINANG TUNGGAL	PASAR KAYANGAN	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.518749, 100.455454
89	PINANG TUNGGAL	VISON PARK	DALAM KAWASAN TAMAN	MBSP	1	5.520982, 100.462084
90	PINANG TUNGGAL	KOMPLEKS PENJAJA BERTAM LAKEVIEWS	DALAM KAWASAN TAMAN	MBSP	1	5.525981, 100.456963
91	PINANG TUNGGAL	JALAN PINANG TUNGGAL (KAMPUNG SETOI)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.550622, 100.507547
92	PINANG TUNGGAL	SEKOLAH CINA / TOKONG	DALAM KAWASAN	MBSP	2	5.545419, 100.510533
93	PINANG TUNGGAL	RUMAH PAM PERMATANG SAGA	DALAM KAMPUNG	MBSP	2	5.556348, 100.505928
94	PINANG TUNGGAL	LEMBAH RAJA	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.550961, 100.514137
95	PINANG TUNGGAL	EKOR KUCING	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.540196, 100.522137
96	PINANG TUNGGAL	COMEL (JALAN SUNGAI KOROK)	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.537286, 100.510515
97	PINANG TUNGGAL	JALAN SG. KORONG 3 BERADIK	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.549035, 100.505169
98	PINANG TUNGGAL	TONG PADANG BEKA	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.542829, 100.507506
99	PINANG TUNGGAL	KAMPUNG BAHARU	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.528390, 100.522771
100	PINANG TUNGGAL	TINGKAT SELAMAT 8	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.510455, 100.525466
101	PINANG TUNGGAL	TINGKAT SELAMAT 6	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.502213, 100.517019
102	PINANG TUNGGAL	TINGKAT SELAMAT 5	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.499647, 100.513643
103	PINANG TUNGGAL	TINGKAT SELAMAT 3	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.495642, 100.506419
104	PINANG TUNGGAL	TINGKAT SELAMAT 2	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.491657, 100.504153
105	PINANG TUNGGAL	TINGKAT SELAMAT 1	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.488560, 100.502414
106	PINANG TUNGGAL	TONG DEPAN TAMAN SELESA	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.504481, 100.526157
107	PINANG TUNGGAL	FAMA KAMPUNG SELAMAT	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.502408, 100.524101
108	PINANG TUNGGAL	BOMBA KAMPUNG SELAMAT	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	1	5.500108, 100.521748
109	PINANG TUNGGAL	TONG KUBANG MENERONG	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.516516, 100.500158
110	PINANG TUNGGAL	DEPAN TAMAN SRI GELUGOR	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.497312, 100.484026
111	PINANG TUNGGAL	PUSAT SERENTI KAMPUNG SELAMAT	DALAM KAWASAN	MBSP	2	5.501731, 100.523674
112	PINANG TUNGGAL	TAPAK PASAR MALAM SEKSYEN 4	TEPI JALAN UTAMA	MBSP	2	5.530652, 100.499418
113	PINANG TUNGGAL	MEDAN SELERA MEKAR SARI	DALAM KAWASAN TAMAN	MBSP	3	5.531007, 100.497764
<b>JUMLAH TONG SAMPAH</b>					<b>161</b>	

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVII)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

22. Berapakah jumlah Rumah Mampu Milik (RMM) yang telah dibina di Pulau Pinang sejak lima tahun kebelakangan ini?
- (a) Apakah sasaran pembinaan RMM untuk lima tahun akan datang?
- (b) Di manakah lokasi-lokasi utama yang dikenal pasti untuk projek perumahan mampu milik baharu?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Pembekalan dan penawaran Rumah Mampu Milik (RMM) di Negeri Pulau Pinang merupakan fungsi utama penubuhan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) dan juga merupakan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam merumahkan seluruh rakyat Pulau Pinang terutamanya golongan B40 dan M40.

RMM yang dibekalkan dan ditawarkan oleh pihak LPNPP adalah terdiri daripada enam (6) jenis iaitu Rumah Mampu Milik A (RM42,000.00), Rumah Mampu Milik B1 (RM72,500.00), Rumah Mampu Milik B2 (RM100,000.00), Rumah Mampu Milik C1 (RM150,000.00), Rumah Mampu Milik C2 (RM200,000.00) dan Rumah Mampu Milik C3 (RM300,000.00).

Mulai tahun 2018 sehingga 31 Oktober 2024, sebanyak 51,680 unit RMM telah siap dibina yang terdiri daripada pelbagai jenis RMM di

pelbagai daerah. Perincian berkenaan unit-unit RMM yang siap dibina adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (a) Selain daripada itu, pihak LPNPP juga menyasarkan pembinaan RMM sebanyak 111,009 unit untuk lima (5) tahun akan datang yang terdiri daripada dua (2) jenis peringkat pembinaan iaitu dalam pembinaan dan dalam perancangan. Perincian berkenaan unit-unit RMM tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
- (b) RMM yang akan dibina dalam tempoh lima (5) tahun akan datang akan tertumpu di Daerah Barat Daya dengan anggaran sebanyak 32,515 unit serta di Daerah Timur Laut dengan anggaran sebanyak 27,607 unit. Hal ini adalah kerana kedua-dua daerah tersebut merupakan kawasan tumpuan utama serta mempunyai kadar permintaan yang lebih tinggi berbanding daerah-daerah lain di Negeri Pulau Pinang.

**LAMPIRAN A**

<b>JENIS DAERAH/ STATUS</b>	<b>SIAP DIBINA (UNIT)</b>		
	<b>A</b>	<b>B</b>	<b>C</b>
<b>DTL</b>	979	11,817	6,703
<b>DBD</b>	6,873	1,327	2,761
<b>SPU</b>	7,787	1,235	2,958
<b>SPT</b>	4,065	274	2,007
<b>SPS</b>	1,701	822	371
<b>JUMLAH</b>	21,405	15,475	14,800
<b>JUMLAH KESELURUHAN (UNIT)</b>	<b>51,680</b>		

**Jadual 1:** Perincian berkenaan unit-unit Rumah Mampu Milik (RMM) yang siap dibina mulai tahun 2018 hingga 31 Oktober 2024.

**LAMPIRAN B**

<b>JENIS DAERAH/ STATUS</b>	<b>DALAM PEMBINAAN (UNIT)</b>			<b>DALAM PERANCANGAN (UNIT)</b>		
	<b>A</b>	<b>B</b>	<b>C</b>	<b>A</b>	<b>B</b>	<b>C</b>
<b>DTL</b>	550	1,359	6,646	1,628	5,015	12,409
<b>DBD</b>	123	369	3,653	2,855	3,382	22,133
<b>SPU</b>	451	0	3,438	1,202	720	6,990
<b>SPT</b>	1,703	547	2,180	2,112	4,273	13,891
<b>SPS</b>	1,122	0	315	720	3,223	8,000
<b>JUMLAH</b>	<b>3,949</b>	<b>2,275</b>	<b>16,232</b>	<b>8,517</b>	<b>16,613</b>	<b>63,423</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN (UNIT)</b>	<b>22,456</b>			<b>88,553</b>		
	<b>111,009</b>					

**Jadual 2:** Perincian berkenaan unit-unit Rumah Mampu Milik (RMM) yang disasarkan dibina untuk lima (5) tahun akan datang

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVII)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

23. Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengawal harga Rumah Mampu Milik (RMM) supaya selari dengan pendapatan golongan B40 dan M40 terutamanya di kawasan bandar yang mempunyai kos hidup tinggi?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk memberikan subsidi atau insentif kepada pembeli RMM bagi meringankan beban kewangan mereka?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) yang mencukupi bagi rakyat Pulau Pinang merupakan agenda utama Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian kepada kebajikan dan kesejahteraan rakyat Pulau Pinang khususnya berkaitan pemilikan rumah terutamanya kepada golongan B40 dan M40.

Melalui Garis Panduan RMM 100% ini, spesifikasi minimum dan harga jualan maksimum unit RMM C (dahulunya dikenali sebagai Rumah Mampu Milik) adalah sebanyak RM300,000.00 (kawasan Pulau) dan RM250,000.00 (kawasan Seberang) termasuk satu (1) tempat letak kereta. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah juga menjamin bekalan RMM A (dahulunya dikenali sebagai Kos Rendah) dan RMM B (dahulunya dikenali sebagai Kos Sederhana Rendah) di Pulau Pinang. Senarai harga kawalan dan saiz RMM adalah seperti **Jadual 1** berikut:

Jenis RMM	Saiz	Harga (RM)
RMM A	650 kaki persegi (tanpa kemasan)	42,000.00
RMM B1	700 kaki persegi (tanpa kemasan)	72,500.00
RMM B2	750 kaki persegi (tanpa kemasan)	100,000.00
RMM C1	750 kaki persegi (dengan kemasan)	150,000.00
RMM C2	800 kaki persegi (dengan kemasan)	250,000.00
RMM C3	850 kaki persegi (dengan kemasan)	300,000.00

**Jadual 1: Senarai harga kawalan dan saiz RMM**

- (a) Kerajaan Negeri telah mewujudkan Skim Sewa Beli (*Rent To Own* - RTO) bagi golongan yang gagal mendapatkan pinjaman perumahan dari institusi kewangan. Kerajaan Negeri melalui Visi Penang2030 di bawah sasaran kedua dalam Inisiatif Strategik A1: Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan telah mensasarkan pembekalan sebanyak 22,000 unit RMM melalui Skim Sewa Beli menjelang tahun 2030. Sehingga kini, sebanyak 4,544 unit bersamaan dengan 20.65% telah disenaraikan untuk ditawarkan secara RTO. Melalui Skim RTO, golongan ini masih boleh memiliki rumah dengan menandatangani perjanjian sewa beli dengan Kerajaan Negeri melalui LPNPP untuk tempoh 15 ke 20 tahun pada kadar faedah 0%. Unit tersebut seterusnya akan dipindah milik kepada penyewa beli apabila bayaran penuh disempurnakan. Skim RTO pada masa ini melibatkan skim perumahan jenis RMM A dan RMM B dan akan diperluaskan kepada RMM C.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVII)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

24. Senaraikan kes penceraian mengikut kaum dan daerah di Pulau Pinang dari tahun 2022 sehingga kini.
- (a) Senaraikan sebab utama berlaku penceraian ini.
  - (b) Usaha Kerajaan Negeri atasi masalah krisis rumah tangga.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Kes penceraian di Pulau Pinang dari tahun 2022 sehingga kini seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Berdasarkan sesi khidmat nasihat/kaunseling perkahwinan melalui perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) sebab utama penceraian di Negeri Pulau Pinang adalah masalah komunikasi, kurang bertanggungjawab, campur tangan pihak ketiga, masalah akhlak/sosial dan sebagainya. Perinciannya seperti di **LAMPIRAN B**.
  - (b) Kerajaan Negeri melalui Bahagian Undang-undang Keluarga Islam, JHEAIPP sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah krisis rumah tangga melalui program-program kaunseling/khidmat nasihat kepada masyarakat bermula Isnin hingga Jumaat kecuali cuti umum. Selain itu, jabatan ini jua turut melaksanakan Kursus Praperkahwinan yang merupakan syarat wajib sebelum berkahwin bertujuan sebagai inisiatif awal dalam mencegah berlakunya krisis dalam rumah tangga. Perincian usaha-usaha mengatasi masalah krisis rumah

tangga di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2022 hingga kini adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

<b>BILANGAN DAFTAR CERAI ORANG ISLAM NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2022 HINGGA 2024 (JANUARI HINGGA OKTOBER)</b>		
<b>TAHUN</b>		
<b>2022</b>	<b>2023</b>	<b>2024</b>
1,824	1,700	1,401

**JENIS KATEGORI ADUAN RUMAH TANGGA  
TAHUN 2022 HINGGA 2024 (JANUARI HINGGA OKTOBER 2024)**

KATEGORI	TAHUN		
	2022	2023	2024
<b>Kurang Bertanggungjawab</b>	221	204	182
Lemah Didikan Agama	92	65	45
Perbezaan Budaya	15	3	6
<b>Campurtangan Pihak Ketiga</b>	160	169	141
Masalah Seksual	59	37	14
Masalah Ekonomi	80	56	36
Masalah Kerjaya	36	19	9
Masalah Kesihatan	26	12	16
<b>Masalah Akhlak/Sosial</b>	120	110	110
<b>Masalah Komunikasi</b>	285	288	241
Lain-Lain	78	50	22
<b>JUMLAH</b>	<b>1,172</b>	<b>1013</b>	<b>822</b>

**SENARAI PROGRAM KEKELUARGAAN  
TAHUN 2022 HINGGA TAHUN 2024**

BIL.	TAHUN	SENARAI PROGRAM
1.	2022	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkhidmatan Kaunseling / Khidmat Nasihat (Baiti Jannati Care) di masjid-masjid terpilih sekitar Negeri Pulau Pinang</li> <li>2. Konvensyen Pemerksaan Keluarga Bahagia</li> <li>3. Program Jelajah Komuniti Keluarga Bahagia</li> <li>4. Kem Remaja Lestari Khaira Ummah</li> </ol>
2.	2023	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Program Pendekatan Kelompok Psikopendidkan Kepada Masyarakat Tahun 2023</li> <li>2. Perkhidmatan Kaunseling / Khidmat Nasihat (Baiti Jannati Care) di masjid-masjid terpilih sekitar Negeri Pulau Pinang</li> <li>3. Program Pasca Perkahwinan Fasa Bulan Madu Tahun 2023</li> <li>4. Program <i>Outreach</i> Baiti Jannati Care Siri 1 hingga Siri 3</li> </ol>
3.	2024	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perkhidmatan Kaunseling / Khidmat Nasihat (Baiti Jannati Care) di masjid-masjid terpilih sekitar Negeri Pulau Pinang</li> <li>2. Program <i>Outreach</i> Baiti Jannati Care Siri 1 hingga Siri 3</li> <li>3. Porgram Baiti Jannati Care Siri 1 Secara Dalam Talian - <i>Family &amp; Marriage Healing</i>: Merawat Luka Yang Tersembunyi</li> <li>4. Porgram Baiti Jannati Care Siri 2 Secara Dalam Talian - <i>Checklist</i> Komunikasi Dalam Rumah Tangga: <i>Breakdown</i> atau Efektif Keluarga</li> <li>5. Porgram Baiti Jannati Care Siri 3 Secara Dalam Talian - Pengurusan Kewangan Keluarga</li> <li>6. Wacana Kekeluargaan Islam Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2024</li> </ol>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVII)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

25. *Penang Free Wifi* sudah lama diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri.
- (a) Nyatakan bilangan pengguna yang berdaftar dan jumlah bilangan *hotspot* di Parlimen Kepala Batas.
  - (b) Bagaimanakah status kepuasan pengguna?
  - (c) Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mempertingkatkan lagi kemudahan ini terutamanya di kawasan kampung-kampung?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Perkhidmatan *Penang Free Wifi* (PFW) telah ditamatkan pada 13 Februari 2019 ekoran beberapa isu berbangkit berkaitan perkhidmatan PFW seperti tahap lebar jalur (bandwidth) dan liputan yang disediakan oleh pihak REDtone International Berhad (REDtone) adalah tidak memuaskan.

Soalan (a), (b) dan (c) adalah tidak berkenaan kerana perkhidmatan PFW di Negeri Pulau Pinang telah ditamatkan pada 13 Februari 2019.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVII)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

26. Senaraikan tanah-tanah wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) di Seberang Perai Utara (SPU) mengikut DUN serta nyatakan status penggunaan tanah-tanah ini.
- (a) Senaraikan tanah-tanah wakaf yang telah dibeli oleh MAINPP dari tahun 2022 sehingga kini.
  - (b) Apakah perancangan MAINPP dalam membangunkan tanah-tanah wakaf yang masih kosong?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Senarai tanah-tanah wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) di Seberang Perai Utara adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Tanah wakaf yang dibeli oleh MAINPP dari tahun 2022 sehingga kini (Oktober 2024) adalah seperti berikut:
    - (i) Sebahagian Lot 2393, Mukim 2, Seberang Perai Utara untuk tujuan tapak tambahan Masjid Jamek Rantau Panjang seluas 6,880.89 kaki persegi pada Ogos 2023 dan Januari 2024 berjumlah RM147,618.16. Sumber pembelian adalah menggunakan duit istibdal tanah wakaf Masjid Jamek Rantau Panjang.

- (b) MAINPP kini sedang merancang pembangunan tanah -tanah wakaf yang masih kosong seperti berikut:
  - (i) Tanah wakaf yang bersaiz kecil akan disewakan untuk tujuan aktiviti pertanian; dan
  - (ii) Tanah wakaf yang bersaiz besar dan strategik akan dibangunkan dengan projek kediaman dan komersial.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVII)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

27. Berapakah jumlah kelab malam dan *pub* mengikut DUN di Pulau Pinang?
- (a) Berapakah pendapatan kerajaan daripada tempat-tempat ini?
  - (b) Apakah usaha kerajaan dalam membanteras kelab malam haram?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Jumlah kelab malam dan *pub* mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) di Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Pendapatan Kerajaan Negeri melalui hasil kutipan bayaran lesen oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi kelab malam dan *pub* sehingga Oktober 2024 adalah seperti berikut:
    - (i) Bagi kawasan pentadbiran MBPP, jumlah pendapatan yang dijana melalui kutipan bayaran Lesen Kelab Malam adalah sebanyak RM298,128.00, manakala, bagi Lesen Pub adalah sebanyak RM60,400.00; dan
    - (ii) Bagi kawasan pentadbiran MBSP pula, jumlah pendapatan yang dijana melalui kutipan bayaran Lesen Pub adalah sebanyak RM79,715.90.

- (b) Usaha Kerajaan Negeri melalui MBPP dan MBSP dalam membanteras kelab malam haram adalah seperti berikut:
- (i) Pusat hiburan yang menjalankan aktiviti hiburan tanpa lesen akan diambil tindakan penguatkuasaan di bawah peruntukan Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dengan mengeluarkan kompaun terhadap kesalahan yang dilakukan termasuk tindakan rampasan dan sitaan ke atas peralatan hiburan;
  - (ii) Pelaksanaan operasi secara bersepadu bersama jabatan / agensi penguatkuasaan seperti PDRM; dan
  - (iii) Menjalankan tindakan pemantauan dari semasa ke semasa.

**JUMLAH KELAB MALAM DAN PUB YANG BERDAFTAR DENGAN PIHAK  
BERKUASA TEMPATAN (PBT) MENGIKUT DUN  
DI PULAU PINANG**

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>DUN</b>	<b>BILANGAN KELAB MALAM</b>	<b>BILANGAN PUB</b>
1.	MBPP	Padang Kota	38	29
2.		Komtar	24	41
3.		Pulau Tikus	8	23
4.		Pengkalan Kota	7	7
5.		Tanjong Bungah	18	21
6.		Sungai Pinang	8	5
7.		Seri Delima	1	0
8.		Batu Lancang	0	4
9.		Dato Keramat	10	6
10.		Batu Uban	9	4
11.		Pantai Jerejak	15	15
12.		Batu Maung	1	3
13.		Telok Bahang	2	0
14.		Bayan Lepas	6	5
15.		Paya Terubong	7	2
16.		Air Putih	0	1
17.		Air Itam	0	4
18.		Pulau Betong	0	0
19.		Kebun Bunga	2	1
20.	MBSP	Penaga	Aktiviti kelab malam tidak dilesenkan di bawah pentadbiran MBSP.	0
21.		Bertam		0
22.		Pinang Tunggai		0
23.		Permatang Berangan		0
24.		Sungai Dua		0
25.		Teluk Air Tawar		0
26.		Sungai Puyu		2
27.		Bagan Jermal		9

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>DUN</b>	<b>BILANGAN KELAB MALAM</b>	<b>BILANGAN PUB</b>
28.		Bagan Dalam		2
29.		Seberang Jaya		6
30.		Permatang Pasir		0
31.		Penanti		0
32.		Berapit		0
33.		Machang Bubuk		2
34.		Padang Lalang		9
35.		Perai		2
36.		Bukit Tengah		9
37.		Bukit Tambun		5
38.		Jawi		1
39.		Sungai Bakap		2
40.		Sungai Acheh		0
<b>JUMLAH</b>			<b>156</b>	<b>220</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVII)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

28. Senaraikan kawasan-kawasan yang disenaraikan sebagai bandar bebas kenderaan bermotor seperti yang disebut Menteri Sumber Asli dan Kelestarian pada 28 September lalu.
- (a) Senaraikan ciri-ciri yang terdapat di kawasan ini.
  - (b) Senaraikan kawasan yang akan dijadikan bandar bebas kenderaan bermotor dan bilakah akan dilaksanakan?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. (a) Kawasan-kawasan yang disenaraikan sebagai bandar bebas kenderaan bermotor di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Zon Bebas Kenderaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di Bandar Raya George Town iaitu di sebahagian Lebuhraya Pantai di antara Lebuhraya Cina dan Lebuhraya Union; dan
  - (ii) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) *Car Free Morning* di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Bandar Sunway, Seberang Jaya.

Berikut adalah ciri-ciri bagi zon bebas kenderaan yang terdapat di kawasan tersebut:

MBPP	MBSP
Kenderaan bermotor dilarang menggunakan laluan ini pada waktu tertentu iaitu mulai dari pukul 7.00 pagi sehingga 1.00 tengah hari pada setiap hari Ahad.	Penutupan jalan sepenuhnya untuk kenderaan bermotor pada setiap Hari Ahad minggu pertama setiap bulan.
Aktiviti beriadah seperti berbasikal, berkasut roda, <i>e-scooter</i> , berjalan kaki, pameran dan senamrobik adalah dibenarkan di kawasan ini.	
Terdapat juga gerai-gerai jualan yang dibenarkan tertakluk kepada kelulusan MBPP dan MBSP.	

- (b) Pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui MBPP dan MBSP sedang mengkaji beberapa kawasan lain yang bersesuaian untuk dijadikan sebagai Zon Bebas Kenderaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(A)(XVII)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

29. Senaraikan jumlah jualan padi (tan metrik) yang dibeli oleh Kilang Padi Bernas berbanding kilang padi swasta di Pulau Pinang mengikut DUN dari tahun 2020 sehingga kini.
- (a) Mengapakah harga belian padi oleh Bernas dan kilang swasta tidak seragam?
- (b) Apakah langkah-langkah diambil untuk meningkatkan harga belian padi?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Senarai jumlah jualan padi yang dibeli oleh Kilang Padi BERNAS berbanding kilang padi swasta di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 sehingga kini adalah seperti jadual berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>KILANG PADI BERNAS (TAN METRIK)</b>	<b>KILANG PADI SWASTA (TAN METRIK)</b>
2020	8,955	64,932
2021	13,664	90,256
2022	12,995	82,059
2023	9,007	67,335
2024	5,006	57,998
<b>JUMLAH</b>	<b>49,627</b>	<b>362,580</b>

- (a) Harga belian padi BERNAS dibuat berdasarkan keupayaan kilang untuk menjual beras kepada pemborong pada harga yang ditetapkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan mengambil kira kos operasi dan kos tetap. BERNAS masih mengeluarkan beras tempatan mengikut ketetapan harga iaitu RM2,250.00 per tan metrik.
  
- (b) Bagi meningkatkan harga belian padi, BERNAS melaksanakan pengurangan kos operasi dan kawalan kesusutan stok sebagai langkah dalaman. Namun, harga maksimum padi masih bergantung kepada harga jualan beras seperti yang telah ditetapkan oleh pihak KPKM.